


**Jilid V
No. 25**



**Hari Selasa
21hb Januari, 1969**

**PERBAHATHAN
PARLIMEN
DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA
PENGKAL KELIMA
PENYATA RASMI**

KANDONGAN-NYA

**JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan
3945]**

RANG UNDANG²:

Rang Undang² Perbekalan, 1969—

**Jawatan-kuasa Perbekalan (Hari Yang Kedua) Kepala
B.10 [Ruangan 3971]**

DI-CHETAK DI-JABATAN CHETAK KERAJAAN
OLEH ZAKUAN BIN MOHD. ARIFF, PENGUASA
ALOR SETAR
1969

Harga: \$1

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA

PENGGAL YANG KELIMA

Penyata Rasmi

Hari Selasa, 21hb Januari, 1969

Persidangan bermula pada pukul 10.00 pagi

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.
- „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom, Y.A.B. TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Pengangkutan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Keadilan, TUAN BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perdagangan dan Perusahaan, Yang Berbahagia TAN SRI DR LIM SWEE AUN, P.M.N., J.P. (Larut Selatan).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, Yang Berbahagia TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).
- „ Menteri Buroh, TUAN V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Kelang).
- „ Menteri Penerangan dan Penyiaran dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kubang Pasu Barat).
- „ Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama, TUAN HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).
- „ Menteri Hal Ehwal Sabah, DATO' GANIE GILONG, P.D.K., J.P.
- „ Menteri Muda Pelajaran, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, S.M.K. (Raub).
- „ Setia Usaha Parlimen kepada Menteri Kesihatan, TUAN IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN, J.M.N. (Seberang Tengah).
- „ Setia Usaha Parlimen kepada Menteri Buroh, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).

- Yang Berhormat Setia Usaha Parlimen kepada Menteri Kewangan,
TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Setia Usaha Parlimen kepada Timbalan Perdana Menteri,
TUAN CHEN WING SUM (Damansara),
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT (Kelantan Hilir).
- „ TUAN HAJI ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N.
(Melaka Utara).
- „ TUAN ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).
- „ WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T.
(Kuala Trengganu Utara).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDOLEAH IBNI AL-MARHUM TUANKU
ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Bachok).
- „ TUAN AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'AID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN RAFAEL ANCHETA, A.M.N. (Sabah).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN HAJI AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Selatan).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K. (Bentong).
- „ TUAN CHEW BIOW CHUON, J.P. (Bruas).
- „ TUAN CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).
- „ TUAN CHIN FOON (Ulu Kinta).
- „ TUAN D. A. DAGO ANAK RANDAN atau DAGOK ANAK
RANDEN, A.M.N. (Sarawak).
- „ DATO' SYED ESA BIN ALWEE, D.P.M.J., J.M.N., S.M.J., P.I.S.
(Batu Pahat Dalam).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID
(Johor Bahru Timor).
- Yang Berbahagia TAN SRI HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N.
(Jitra—Padang Terap).
- Yang Berhormat TUAN S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).
- „ TUAN GANING BIN JANGKAT, A.M.N. (Sabah).
- „ TUAN GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., P.J.K.
(Kulim Utara).
- „ TUAN HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HARUN BIN ABDOLEAH, A.M.N., J.P. (Baling).
- „ WAN HASSAN BIN WAN DAUD, J.P. (Tumpat).
- „ TUAN STANLEY HO NGUN KHIU, A.D.K. (Sabah).
- „ DATO' HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, D.P.M.P.,
A.M.N., P.J.K. (Parit).
- „ TUAN HUSSEIN BIN SULAIMAN, J.P. (Ulu Kelantan).
- „ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN, S.M.K.
(Kota Bharu Hulu).
- „ TUAN ISMAIL BIN IDRIS, J.P. (Pulau Pinang Selatan).

- Yang Berbahagia TAN SRI SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N.
(Johor Tenggara).
- Yang Berhormat PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, K.M.N., Q.M.C., A.B.S.
(Sarawak).
- " TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Sitlawan).
- " TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).
- " TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- " TUAN AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P. (Sabah).
- " TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Setar).
- " DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kota Setar Selatan).
- " TUAN T. MAHIMA SINGH, J.M.N., J.P. (Port Dickson).
- " TUAN C. JOHN ONDU MAJAKIL (Sabah).
- " TUAN JOSEPH DAVID MANJAJI (Sabah).
- " DR MOHAMED BIN TAIB (Kuantan).
- " TUAN MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).
- " ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).
- " TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).
- " TUAN MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P.
(Jelebu—Jempol).
- " TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K.
(Kuala Langat).
- " TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N.
(Temerloh).
- " TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- " TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH
(Pasir Mas Hilir).
- " TUAN MUSA BIN HITAM (Segamat Utara).
- " TUAN MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).
- Yang Berbahagia TAN SRI HAJI NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K.,
P.M.N., P.Y.G.P. DATO' SRI SETIA RAJA (Kota Bharu Hilir).
- Yang Berhormat TUAN NG FAH YAM, J.P. (Batu Gajah).
- " TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).
- " TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N.
(Johor Bahru Barat).
- " TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N. (Krian Darat).
- " TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P.
(Rembau—Tampin).
- " RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P.
(Kuala Selangor).
- " TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- " TUAN SENAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).
- " TUAN SOH AH TECK (Batu Pahat).
- " TUAN SULAIMAN BIN ALI (Dungun).
- " TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- " TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- " PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).
- " TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- " TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N. (Kulim-Bandar Baharu).
- " TUAN TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).

- Yang Berhormat DR TAN CHEE KHOON (Batu).
 „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
 „ TUAN TAN KEE GAK (Bandar Melaka).
 „ TUAN TAN TOH HONG (Bukit Bintang).
 „ TUAN TAN TSAK YU, P.B.S (Sarawak).
 „ TUAN TIAH ENG BEE (Kluang Utara).
 „ TUAN TOH THEAM HOCK (Kampar).
 „ TUAN YEH PAO TZE, A.M.N. (Sabah).
 „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K. (Langat).

YANG TIDAK HADHIR:

- Yang Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).
 „ Menteri Kewangan, Y.A.B. TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
 „ Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
 „ Menteri Kesihatan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, P.M.N., J.P. (Batang Padang).
 „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, TUAN KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).
 „ Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian, DATO' HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.D.K. (Sarawak).
 „ Menteri Kebajikan 'Am, DR NG KAM POH, J.P. (Telok Anson).
 „ Menteri Muda Ta' Berjabatan, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Setar Utara).
 „ Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sokan, ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Trengganu Tengah).
 „ Menteri Muda Perdagangan dan Perusahaan, TUAN ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Sarawak).
 „ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG, A.B.S. (Sarawak).
 „ DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, S.M.T., Dato' Bijaya di-Raja (Kuala Trengganu Selatan).
 „ PUAN AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).
 „ WAN ALWI BIN TUANKU IBRAHIM (Sarawak).
 „ TUAN JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).
 „ TUAN CHAN SEONG YOON (Setapak).
 „ TUAN C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).
 „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).
 „ TUAN HAJI HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).

Yang Amat

Berbahagia TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).

Yang Berhormat TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Sarawak).

- Yang Berhormat TUAN KHOO PENG LOONG, O.B.E. (Sarawak).
 „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
 „ DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).
 „ TUAN PETER LO SU YIN (Sabah).
 „ DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
 „ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Pasir Puteh).
 „ TUAN MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N. (Sungai Patani).
 „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
 „ TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR, A.B.S. (Sarawak).
 „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.P., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).

Yang Amat

Berbahagia TUN DATU MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K. (Sabah).

- Yang Berhormat TUAN ONG KEE HUI (Sarawak).
 „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
 „ TUAN QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).
 „ TUAN D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
 „ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
 „ TUAN SIM BOON LIANG, A.B.S. (Sarawak).
 „ TUAN SIOW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).
 „ TUAN SNG CHIN JOO (Sarawak).
 „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).
 „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD (Pasir Mas Hulu).

YANG HADHIR BERSAMA:

Yang Berhormat Menteri Ta' Berjabatan (TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA)..

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Meshuarat)

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN²

BANGUNAN MASJID DI-KENINGAU

1. Tuan Mohd. Arif Salleh (Sabah) bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada-kah benar bahawa Masjid di-Keningau tidak di-bena mengikut kehendak² teknik; dan jika benar, apa-kah tindakan yang telah di-ambil oleh Kerajaan dalam perkara ini.

Menteri Ta' Berjabatan (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Tuan Yang di-Pertua, Masjid di-Keningau telah di-bena mengikut penentuan² teknik (technical specifications) dan di-pinda dari sa-masa ka-masa dengan persetujuan Jawatankuasa Bangunan Masjid tersebut.

Pembinaan Masjid itu, pada keseluruhan-nya, ada-lah memuaskan sa-lain daripada di-tinggalkan dinding bulat di-bawah kubah. Oleh itu wang sa-banyak \$751.60 telah di-potongkan daripada harga konterek yang asal.

Walau bagaimana pun, ketinggalan dinding bulat tersebut telah di-persetujui oleh pihak yang berkenaan.

GERAKAN² SERANG HENDAP DI-SEMPADAN MALAYSIA DENGAN NEGERI THAI

2. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail (Perlis Selatan) bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada-kah benar bahawa Kominis militan Malaysia sedang memperhebatkan lagi gerakan² serang hendap mereka di-sapanjang sempadan Malaysia dengan Negeri Thai, dan jika benar, berapa banyak serang hendap yang telah di-lakukan ka-atas Pasokan Polis kita baharu² ini, dan ada-kah Pasokan Bersenjata akan mengambil alih tugas² kawalan di-sempadan itu daripada pehak Polis, untuk melichinkan lagi kawalan di-kawasan² sempadan dan bila.

Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah): Dato' Yang di-Pertua, benar mereka meranchangkan sa-demikian. Walau bagaimana pun semenjak peristiwa coup pada 17-6-68 dahulu tidak-lah pula ada berlaku serang hendap dalam arti kata yang sa-benar-nya di-sebabkan persetujuan yang mengikat kedua Kerajaan, maka tidak-lah boleh Pasokan Bersenjata di-tugaskan mengambil alih tanggung-jawab dengan sa-chara langsung daripada Pasokan Polis.

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah benar bahawa kominis² di-dalam Thailand menyeludup masuk, menyeludupkan wanita² yang jelita masuk ka-Malaysia untuk mendapat ma'alumat² berkenaan dengan kawalan sempadan Malaysia/Thailand.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada laporan yang saya terima berkenaan dengan perkara ini.

PENANAMAN MODAL KERAJAAN DALAM PERBADANAN PERKAPALAN ANTARA BANGSA MALAYSIA

3. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail bertanya kepada Perdana Menteri (a) kenapa Kerajaan telah menanam modal yang sangat kecil ia-itu \$1 juta

sahaja dalam Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia berbanding dengan modal yang di-tanam dalam Sharikat Penerbangan M.S.A., dan (b) ada-kah Perbadanan ini akan juga memberi perkhidmatan-nya kepada bakal² Haji ka-Mekah sa-lewat²-nya dalam tahun 1972.

Timbalan Perdana Menteri (Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, saya suka menerangkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa modal permulaan Perbadanan ini ia-lah \$6 juta. Oleh kerana itu bahagian pembelian saham Kerajaan sa-banyak \$1 juta itu ada-lah kira² 16.6% daripada modal sharikat atau pun Perbadanan ini. Jadi ini di-fikirkan ia-lah menasabah bagi permulaan.

Berkenaan modal Kerajaan dalam Sharikat Penerbangan MSA pada awalnya pun modal bagi pehak Kerajaan ada-lah kecil juga akan tetapi modal itu telah di-tambah dari satu masa ka-satu masa. Jadi dengan sebab itu-lah bahagian Kerajaan pada masa ini ada bertambah sedikit.

Berkenaan dengan soalan bahagian yang kedua, saya di-beri tahu ada-lah tujuan Perbadanan Perkapalan Kebangsaan Malaysia ini ia-lah bagi mula²-nya hendak mengangkut barang² dan bukan penumpang². Jadi saya tidak dapat-lah hendak menerangkan sama ada kapal² ini kelak akan dapat digunakan untuk membawa orang² Malaysia pergi menunaikan fardhu Haji ka-Mekah.

SEKOLAH² DI-MALAYSIA BARAT YANG MENGANUTI DASAR MENGASINGKAN MURID-NYA

4. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail bertanya kepada Menteri Pelajaran, memandangkan kapada aduan-nya baharu² ini bahawa beberapa buah sekolah di-Malaysia Barat telah menganuti dasar mengasing²kan murid² mereka dan oleh kerana dasar seperti ini ada-lah merbahaya kepada jenerasi yang akan datang, maka boleh-lah dia menerangkan nama sekolah² yang berkenaan dan apa-kah tindakan yang telah diambil terhadap mereka.

Menteri Muda Pelajaran (Tuan Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, saat yang sampai kepada pengetahuan saya, kejadian yang sa-rupa ini tidak-lah meluas dan chuma terhad kepada sa-bilangan kechil daripada sekolah² sahaja, dan tindakan sudah pun di-ambil untuk membetulkan keadaan ini. Saya membuat amaran itu untuk mengingatkan sekolah² lain yang mungkin membuat begitu dengan sengaja atau tidak sengaja supaya keadaan itu dapat di-perbetulkan segera.

DASAR MALAYSIA TERHADAP PERSENJATAAN NUCLEAR

5. Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara) bertanya kepada Menteri Luar Negeri:

- (a) apa-kah dasar Malaysia terhadap persenjataan nuclear yang di-amalkan oleh Amerika Sharikat, Soviet Union, China Kominis dan Perancis yang telah mengadakan ujian² bom hydrogen baharu² ini;
- (b) ada-kah debu dari ujian² itu akan mendatangkan bahaya kepada Malaysia atau negeri² yang lain di-rantau ini.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sentiasa-lah berpegang tegoh kepada dasar menchegeg senjata terutama sekali menchegeg senjata nuclear supaya ini akan mengurangkan ketegangan dunia dan akan memperjauhkan kejadian² yang dahshat akibat peperangan nuclear. Oleh itu Malaysia ia-lah di-antara negara² yang awal sekali menanda-tangani perjanjian menchegeg perletupan hydrogen pada tahun 1963 melarang letupan itu baik di-darat, laut atau pun di-angkasa.

Berturut dengan Perjanjian Menchegeg Letupan Hydrogen, Malaysia juga ada-lah di-antara negara² yang mula² menanda-tangani perjanjian menchegeg merebak-nya senjata nuclear pada awal tahun yang lalu. Ada dua negara yang tidak menanda-tangani, ia-itu France dan Komunis China. Dengan sebab itu ada negara² yang mempunyai bakat nuclear enggan menanda-tangani Per-

janjian tersebut kerana mereka berfikir bahawa dalam perjanjian ini perlindungan² yang di-jamin oleh negara² Soviet Union, Amerika Sharikat dan British tidak mencukupi dalam Kejadian serangan nuclear oleh suatu kuasa nuclear. Mereka berkehendakkan perundingan yang menghasilkan perlindungan yang penoh, yang tidak ada loop-holes langsung supaya keselamatan mereka itu terjamin. Bagi pehak Malaysia, Malaysia berpendapat bahawa mustahak di-tanda-tangani perjanjian ini supaya menchegeg merebak-nya senjata nuclear ini dan lebih baiklah di-adakan suatu perjanjian sa-macam ini daripada tidak ada langsung perjanjian.

Tuan Yang di-Pertua, debu daripada ujian nuclear ada-lah merbahaya kepada manusia di-mana² sahaja. Kesannya tentu-lah lebih merbahaya di-tempat² yang berhampiran dengan kawasan ujian tersebut, tetapi kita bernasib baik bahawa ujian² nuclear ini ada-lah di-buat di-tempat² yang berjauhan dengan Malaysia. Jadi kita tidak dapat-lah berbuat apa² lebih daripada ini, hanya-lah terpaksa diserahkan masalah ini kepada Badan Bangsa² Bersatu.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, terhadap senjata nuclear ini di-persidangan negara² Commonwealth yang baharu² ini di-England, dapat-kah Yang Berhormat Pemangku Menteri Luar Negeri kita memberi tahu Dewan ini waktu membahaskan masalah ini di-mana-kah pendirian Malaysia, sama-ada menyokong India, atau pun kita menyokong Britain.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat tahu apa yang berlaku dalam perundingan Perdana² Menteri Commonwealth, tetapi pendirian kita ada-lah seperti yang saya sebutkan tadi ia-itu kita menyokong apa juga usaha untuk menchegeg merebak-nya kuasa nuclear ini.

Tuan Haji Abdul Razak bin Hussin (Lipis): Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang kita ma'alom bahawasanya China Kominis ia-lah suatu kuasa yang

mempunyai senjata Nuclear, tetapi China Kominis juga tidak menjadi anggota Bangsa² Bersatu. Jadi apa-kah pendirian Kerajaan kita terhadap Kominis China ini sedangkan China mempunyai senjata yang di-takuti dan juga China tidak menjadi anggota dalam Bangsa² Bersatu. Bagaimana chara-nya masalaah ini boleh di-pertimbangkan oleh Kerajaan kita mudah²an sama-ada China masok dalam Bangsa² Bersatu, atau China boleh menggugorkan senjata² nuclear-nya bersama² dengan kuasa² yang lain?

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, kita sa-bagai negara yang kechil tentu-lah berpendirian tidak ada kuasa hendak berbuat apa² atas hal ini. Kita hanya berharap bahawa Kominis China tidak akan menggunakan kuasa nuclear itu untuk menyerang negara² kechil. Kita berharap kuasa nuclear itu di-gunakan untuk peaceful purpose ia-itu tujuan² keamanan. Soal Kominis China hendak di-masokkan dalam Badan Bangsa² Bersatu itu saya telah terangkan pendirian kita tidak berubah atas hal ini dan kita telah menyokong resolution yang baharu di-buat ia-itu jika 2/3 daripada Ahli² bersetuju Kominis China di-masokkan sa-bagai Anggota Badan Bangsa² Bersatu, kita bersetuju dengan sharat-nya Taiwan tidak di-keluarkan daripada menjadi Anggota Badan Bangsa² Bersatu.

PENCHEROBOHAN RUANGAN ANGKASA DAN KAWASAN MALAYSIA DI-SABAH OLEH PHILIPINA

6. Tuan Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Pertahanan:

- (a) berapa kali-kah Filipina telah mencherobohi ruangan angkasa dan kawasan Malaysia di-Sabah semenjak bermula-nya pertikaian mengenai Sabah;
- (b) sama-ada aduan² telah di-buat kepada Bangsa² Bersatu dan apakah jawapan yang di-beri oleh Philipina.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya di-beri tahu bahawa Philipina telah menchabol ruangan ang-

kasa Malaysia sa-banyak tiga kali semenjak bermula-nya pertikaian mengenai Sabah. Malaysia tidak membuat aduan kepada Bangsa² Bersatu mengenai dengan perkara ini dengan sebab Malaysia tidak suka hendak memburokkan lagi keadaan tegang yang berada di-antara dua negara ini.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, dalam masalaah pencherobohan Philipina terhadap ruangan angkasa kita sa-bagai pertahanan negara kita dapat-kah Yang Berhormat Menteri Pertahanan memberi tahu Dewan ini atas tawaran Kerajaan Peranchis untuk membekalkan kapal terbang pejuang-nya dan alat² pertahanan bagi negeri kita ini?

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini kita maseh berunding dengan Kerajaan Peranchis sa-waktu kita telah memberi tahu Kerajaan Peranchis yang kita berhajat hendak membeli kapal² terbang fighter plane dan juga senjata² yang lain, jika-lau kita mendapat sharat² yang baik dan harga² yang murah dengan bayaran² yang boleh di-terima. Jadi perkara ini terpaksa di-rundingkan dengan lebeh lanjut lagi dan satu mission daripada negeri France akan datang ka-Malaysia tidak berapa lama lagi.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, berapa kali-kah, kalau ada, saya ingin tahu bila mana Kerajaan Peranchis hendak memberikan satu tawaran yang tegas berhubung hendak memberi bantuan kapal terbang ini, sa-telah itu berapa buah negeri pula mengekori hendak menawarkan senjata-nya atau kapal terbang-nya kepada negara kita?

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, memang banyak ada negeri² yang suka hendak menjualkan kapal² terbang-nya kepada kita. Perkara ini bergantung-lah pada mana negeri yang boleh jual kepada kita dengan murah dan dengan barang yang baik, itu-lah kita akan beli kelak.

Tuan Haji Abdul Razak bin Hussin: Tuan Yang di-Pertua, berapa kali-kah angkatan tentera kita yang telah menchaboli kawasan negara Philipina ini.

Yang kedua-nya, ada-kah kita pernah lakukan menggugor risalah² perdamaian bagi mengetahui keadaan kedudukan kita pada ra'ayat Philipina sa-bagaimana pernah kita lakukan pada masa kita berkonfrantasi dengan Indonesia tempoh hari dahulu.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak sa-kali pun men-chabol kawasan Philipina sebab kita tidak ada niat hendak bermusoh dengan Philipina dan begitu juga-lah kita tidak menghantarkan risalah² perdamaian kerana kita berpendapat dalam masa-alah tuntutan Philipina terhadap Sabah ini kita tidak salah sadikit pun atas hal ini, tetapi pehak Philipina-lah yang bertanggung-jawab atas hal ini. Bagi diri kita, kita ada-lah menjalankan perkara yang betul dan di-terima oleh Badan Bangsa² Bersatu mengikut ator-an dasar yang tertentu. Jadi bagi kita, kita tidak-lah fikir patut buat apa², sebab kita tidak salah atas hal ini.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, tidak-lah benar khabar yang mengatakan bahawa penchabolan Philipina ini boleh di-katakan saban hari sama-ada di-perayeran atau pun di-ruangan angkasa kita. Sa-kira-nya, kalau benar tidak-kah boleh Kement-erian Pertahanan kita memberi amaran kepada Philipina supaya jangan ber-buat demikian, kalau berbuat, kita akan mengambil tindak balas yang keras?

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak payah beri amaran, itu dia tahu dan kita pun tahu, kalau dia lebeh sangat, nanti kita akan membuat serang balas.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, dengan cherah-nya kebe-naran dari pehak kita yang di-berikan sokongan oleh 27 negara² Commonwealth baharu ini hingga sa-takat ini ada-kah negara jiran² kita menyam-paikan satu perubahan sikap Kerajaan Philipina bagi menyelesaikan pertikaian ini dengan chara perundingan dan melahirkan aman dan damai?

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada dengar apa²

daripada negara² jiran kita berkenaan dengan perubahan sikap Kerajaan Philipina terhadap kita.

FILEM NEGARA MENYERTA PESTA FILEM ASIA DI-TASHKENT, RUSSIA

7. Tuan Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Penerangan dan Penyiaran sama-ada Filem Negara menyertai Pesta Filem Asia yang di-lang-songkan di-Tashkent, Russia, jika ya, berapa buah filem telah di-kirinkan, apa-kah jenis filem² itu, berapa orang pegawai dalam perwakilan itu dan nyatakan sebab²-nya.

Menteri Penerangan dan Penyiaran dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Senu bin Abdul Rahman): Filem Negara telah menyertai Pesta Filem Asia yang di-langsungkan di-Tashkent, Russia, dengan mengirinkan sa-buah filem bertajok "Kisah Kam-pong Kita" yang asal-nya dalam Bahasa Kebangsaan tetapi telah di-beri ulasan dalam bahasa Inggeris. Filem tersebut ada-lah dari jenis separoh derama (Semi Dramatic).

Sa-orang Pegawai dari Jabatan Filem Negara telah turut serta dalam Pesta tersebut dan beliau telah pergi ka-Tashkent di-atas jemputan Kedutaan Russia dengan semua perbelanjaan di-bayar oleh pehak penganjor Pesta Filem yang tersebut. Penyertaan Pegawai ini ada-lah dengan tujuan supaya beliau boleh menyaksikan achara² menyeleng-garakan pesta di-peringkat antarabang-sa kerana Malaysia sendiri mungkin di-kehendaki menguruskan Pesta Filem sa-umpama ini pada satu hari kelak. Di-samping itu Pegawai yang tersebut ada-lah mendapat peluang untuk melawat keluar negeri untuk meluaskan pandangan-nya dan sa-chara tidak lang-song dapat-lah beliau sa-bagai sa-orang pegawai yang menguruskan pemberian dan pinjaman filem di-Jabatan-nya menambah pengalaman dalam tugas² sendiri.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, benar-kah bahawa Kementerian ini tidak dapat membiayai

pegawai yang kita hantar ka-Festival Filem yang telah di-adakan di-Tashkent itu.

Tuan Senu bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, tidak mustahak di-biaya kerana dengan jemputan daripada Kedutaan Russia.

**KONTEREK² UNTOK MEMBEKAL
BERAS KAPADA JABATAN²
KERAJAAN BAGI TAHUN 1968—
SURAT DARIPADA ENCHE' LEE
TECK CHUAN**

8. Dr Tan Chee Khoo (Batu) bertanya kepada Timbalan Perdana Menteri ada-kah dia telah menerima sa-puchok surat daripada Enche' Lee Teck Chuan mengenai konterek² untok membekal beras kapada Jabatan² Kerajaan bagi tahun 1968 telah di-beri dengan tidak terator. Jika ya, apa-kah tindakan yang dia telah ambil terhadap surat ini.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, ada pernah saya menerima sa-puchok surat daripada Enche' Lee Teck Chuan dan surat itu telah di-serahkan kapada Anti-Corruption Agency dan Anti-Corruption Agency telah memberi tahu saya bahawa tudohan² yang terkandung dalam surat itu tidak ada asas langsung dan Enche' Lee Teck Chuan itu di-dapati tidak ada orang yang bernama sa-macham ini, dan alamat yang di-beri pun 'alamat palsu.

**LEMBAGA PEMASARAN IKAN
PERSEKUTUAN—PERASAAN
TIDAK PUAS HATI TERHADAP
RANCHANGAN**

9. Dr Tan Chee Khoo bertanya kepada Menteri Ta' Berjabatan apa-kah butir² mengenai Lembaga Pemasaran Ikan Persekutuan. Ada-kah dia sedar bahawa perasaan tidak puas hati ber-leluasa terhadap ranchangan ini. Jika sedar, apa-kah langkah² yang dia telah ambil untok menghadapi tentangan² dari ketiga² pihak yang berkenaan.

Menteri Ta' Berjabatan (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Tuan Yang di-

Pertua, perusahaan ikan ia-lah satu daripada perusahaan² yang penting di-negara kita ini kerana lebeh kurang 65,000 orang penduduk di-Malaysia Barat ini ada-lah bergantung kapada perusahaan ini untok mata pencharian hidup-nya. Daripada 65,000 orang itu lebeh kurang 37,000 orang ada-lah terdiri daripada orang Melayu dan 28,000 orang lagi daripada yang bukan Melayu. Dalam tahun 1956 lebeh kurang 198,337 tan ikan telah di-daratkan bernilai 174 juta ringgit, tetapi dalam tahun 1967 penangkapan ikan telah bertambah kapada lebeh kurang 301,000 tan yang bernilai sa-banyak 217 juta ringgit.

Kerajaan Perikatan ada-lah menggalakkan pengeluaran ikan yang lebeh banyak lagi dengan menggunakan alat² yang moden. Kementerian Pertanian telah banyak menjalankan usaha² bagi membanyakkan tangkapan ikan bagi menolong nelayan² yang miskin dalam negeri ini. Tetapi sunggoh pun chara menangkap ikan telah bertukar karah kemajuan, sistem pemasaran ikan maseh lagi sangat kuno yang menyebabkan nelayan² kita tidak mendapat harga² yang berpatutan atas ikan² yang di-tangkap oleh mereka itu. Ada-lah di-taksirkan lebeh daripada 50% daripada nelayan² di-Malaysia Barat ini beroleh pendapatan lebeh kurang hanya \$50 sahaja pada satu bulan.

Masaalah² pemasaran yang di-hadapi oleh nelayan² ada-lah saperti berikut:—

Yang pertama, harga ikan yang turun naik di-sebabkan kekurangan tempat simpanan ikan dan kilang² memproses ikan.

Yang kedua, harga yang rendah di-sebabkan oleh kemasokan ikan dari luar negeri.

Yang ketiga, kekurangan pasaran apabila penangkapan ikan bertambah.

Yang keempat, harga ayer batu yang tinggi yang di-beli oleh nelayan² bagi menyimpan ikan.

Yang kelima, kekurangan ma'lumat tentang harga² ikan yang di-jual di-pasar².

Yang keenam, ketiadaan peratoran menetapkan mutu ikan.

Yang ketujuh, chara timbang-memimbang yang tidak terator, sa-tengah²-nya ikan yang di-jual kepada orang tengah dengan tidak payah di-timbang langsung.

Yang kedelapan, kekurangan kenderaan untuk menghantar ikan² ka-pasar dan sewa kenderaan yang tinggi.

Yang kesembilan, tidak ada tempat² yang sesuai untuk mendaratkan ikan.

Yang kesepuluh, kekurangan modal untuk menangkap ikan.

Untuk mengatasi masaalah² ini, FAMA baharu² ini telah menchadangkan satu Ranchangan Pemasaran Ikan. Tujuan² ranchangan ini ia-lah hendak memberi peluang supaya nelayan² mendapat harga ikan yang berpatutan dan stabil dengan menjalankan empat ranchangan yang berikut :

- (a) Memperbaiki dan mengadakan kemudahan² tentang pemasaran ikan seperti tempat mendaratkan ikan, pasar² borongan, kenderaan, bilek sejok, dan kilang² ayer batu dan juga kilang² memproses ikan dan sa-bagai-nya.
- (b) Membesarkan lagi pasaran ikan dan memperbaiki saloran² ikan ka-pasar².
- (c) Mengadakan ma'lumat² penting tentang harga ikan yang di-jual supaya di-ketahui dengan sa-penoh-nya oleh nelayan².
- (d) Memperbaiki dan mengawal sistem pemasaran.

Chadangan FAMA ini telah mendapat beberapa bantahan dan tegoran daripada pehak² tertentu dan beberapa banyak kaum nelayan² sendiri yang telah terpengaruh dengan mereka itu. Bantahan itu harus timbul daripada kekeliruan atau salah faham tentang tujuan dan chara FAMA hendak menjalankan ranchangan ini. Pehak FAMA mengambil peluang di-sini untuk memberi sedikit penjelasan bagi pehak diri saya tentang tujuan dan chara² ran-

changan ikan itu hendak di-jalankan supaya kekeliruan dan salah faham dapat di-hapuskan.

Pentadbiran. FAMA menchadangkan Ranchangan Pemasaran Ikan telah di-laksanakan dan di-tadbirkan oleh Perbadanan Pemasaran Ikan Persekutuan yang akan di-tubuhkan mengandongi ahli² daripada Jabatan² Kerajaan yang berkenaan, wakil² daripada penjual² ikan, wakil² daripada orang ramai dan wakil² daripada nelayan² sendiri yang di-tubuhkan menurut Sekshen 6 Undang² FAMA, 1965.

Menurut ranchangan ini, Perbadanan Pemasaran Ikan hanya hendak mengawal penjualan dan pembelian ikan di-peringkat borongan sahaja ia-itu di-pasar² besar. Ranchangan ini membolehkan Perbadanan menetapkan tempat² atau pasar² di-mana ikan hendak di-jual sa-chara lelong terbuka. Tetapi sa-kira-nya lelong terbuka ini tidak prektik, maka ikan² itu boleh-lah di-jual dengan chara² yang lain yang akan di-tetapkan oleh Perbadanan ini kelak. Tetapi sa-kira-nya jualan borongan terbuka ini boleh di-jalankan dengan sempurna, maka ikan² yang hendak di-lelong itu boleh-lah di-lelong oleh Perbadanan, atau pun pejelong² yang lain seperti yang berjalan sekarang ini yang di-beri kuasa atau yang di-lantek oleh penjual² borongan dengan persetujuan Perbadanan.

Kawalan yang akan di-jalankan oleh Perbadanan ini ia-lah tentang soal timbang-memimbang, menetapkan mutu ikan atau grading dan pembayaran tentang pembelian ikan tersebut. Ranchangan ini juga berchadang supaya membolehkan Perbadanan mengambil commission tidak lebeh daripada 5%, sa-kira-nya ikan itu di-jual atau di-lelong oleh Perbadanan sendiri. Patut-lah saya sebutkan di-sini prektik yang berjalan pada hari ini pun bagi pehak pejelong² ada memotong commission sa-banyak lebeh kurang 5% juga. Oleh sebab itu jika sa-kira-nya Perbadanan menjalankan lelongan itu, maka potongan 5% yang saya sebutkan tadi adalah merupakan satu perkara yang sedang di-jalankan juga oleh orang tengah pada hari ini.

Commission 5% itu ia-lah commission yang sa-tinggi² yang boleh diambil oleh Perbadanan. Tetapi haruslah commission yang hendak di-dambil oleh Perbadanan itu tidak lebih daripada 5%. Di-Hongkong mithal-nya di-mana ranchangan saperti ini di-jalankan, commission yang di-kenakan ia-lah 2½%, bagi pehak Perbadanan sudah pasti akan menurunkan commission² ini kepada 4 sen, 3 sen atau 2 sen hatta kepada 1 sen satu kati, jika sa-kira-nya di-dapati commission itu menjadi satu perkara yang berat kepada penangkap² ikan dan penjual² ikan. Segala wang yang di-dapati ini bukan-lah untuk keuntongan kepada FAMA kerana FAMA bukan-lah satu badan yang berniaga yang menchari keuntongan, tetapi commission tersebut akan menjadi hak milek penangkap² ikan dan penjual² ikan itu sendiri, dan wang yang di-kumpulkan itu akan di-gunakan bagi menolong mereka mengadakan bilek² sejok, mengadakan alat² yang lain yang semua-nya itu akan mendapat faedah kepada penangkap ikan itu sendiri, dan bukan-nya kepada FAMA.

Jika sa-kira-nya penangkap² ikan dan penjual² ikan tidak bersetuju commission itu di-potong, maka commission ini boleh di-hapuskan sama sekali, tetapi tentu-lah tidak ada perubahan² yang boleh membaiki sistem pemasaran pada masa yang akan datang, kerana Kerajaan sa-mata² tentu-lah tidak dapat hendak membiayai semua ranchangan² dan sa-bahagian daripada ranchangan patut-lah juga di-bantu² oleh ra'ayat yang mendapat faedah daripada ranchangan tersebut.

Harga Tetap—Ranchangan ini juga berchadang hendak memberi kuasa kepada Perbadanan untuk menetapkan harga ikan yang sa-rendah²-nya atas ikan yang hendak di-lelong. Sa-kira-nya harga lelongan itu lebih rendah daripada harga yang di-tetapkan oleh Perbadanan, maka tuan punya ikan saperti nelayan² boleh-lah menolak harga itu. Kuasa ini akan di-gunakan dengan persetujuan tuan² punya ikan, atau nelayan² itu sendiri. Dan bermaksud untuk menjaga kepentingan mereka.

Saya suka menyatakan lebih lanjut lagi bahawa sama-ada harga ikan itu hendak di-letakkan mengikut yang berpatutan oleh Perbadanan ada-lah setelah mendapat persetujuan daripada tuan² punya ikan itu sendiri. Sama-ada tuan² yang punya ikan mahu meletakkan harga ikan atau tidak, itu terpulang kepada mereka, itu tidak-lah menjadi tanggung-jawab Perbadanan ini. Jika sa-kira-nya ikan² itu tidak laku di-jual pada hari itu, maka boleh-lah mereka menyimpan ikan² itu di-dalam peti² sejok di-bilek² sejok yang saya sebutkan tadi di-jual pada hari yang berikut-nya, sama-ada mereka akan mendapat keuntongan pada hari yang berikut atau pun rugi, ini tidak menjadi tanggung-jawab Perbadanan, tetapi ada-lah menjadi tanggung-jawab penangkap² ikan sendiri, kerana mereka sendiri membuat persetujuan supaya ikan tidak di-jual dengan harga yang lebih murah daripada yang di-tetapkan oleh mereka itu.

Ranchangan ini tidak berchadang hendak membolot, atau memonopoli penjualan ikan di-mana² tempat juga pun. Ranchangan ini ada-lah satu ranchangan kawalan sa-mata² ia-itu mengawal tentang penjualan, walau pun Perbadanan berkuasa membeli ikan, sa-kira-nya terpaksa.

Di-dalam peratoran yang di-buat oleh FAMA memang-lah membolehkan FAMA membeli ikan, tetapi pada peringkat permulaan FAMA tidak ada berniat langsung hendak menjadi orang tengah untuk membeli dan menjual ikan. FAMA chuma hendak mengadakan peratoran² mengawal supaya nelayan² mendapat harga ikan yang berpatutan sahaja.

Sa-lain daripada itu sa-kira-nya nelayan² sendiri tidak hendak menjual ikan kepada siapa², melainkan kepada Perbadanan sahaja, maka Perbadanan boleh juga membeli ikan itu dan menjual kepada siapa² yang di-fikirkan patut. Ada-lah menjadi dasar Perbadanan hendak membenarkan mereka yang sekarang ini sedang menjalankan penjualan ikan, meneruskan pekerjaan mereka itu dan Perbadanan akan memberi lesen kepada siapa² juga yang

mempunyai lesen menjual, atau pun membeli ikan. Oleh kerana FAMA tidak mahu menjadi orang tengah membeli dan menjual ikan, maka penjual² ikan retailers atau traders yang ada sekarang akan dapat menjalankan terus perniagaan mereka masing². Pada masa ini penjual² ikan di-dalam bandar² seperti di-Kuala Lumpur dan sebagainya ada-lah juga mendapat lesen yang di-keluarkan oleh Town Board, atau pun oleh Municipality. Kalau sa-kira-nya rancangan ini di-jalankan, maka kuasa mengeluarkan lesen daripada Majlis Perbandaran akan berpindah kepada FAMA atau pun FAMA menjadi wakil daripada Town Board, atau pun Municipality (Majlis Perbandaran) untuk mengeluarkan lesen kepada penangkap² ikan.

Tegoran² yang di-buat oleh sateengah² pehak mengatakan kesusahan akan di-tanggung oleh traders terpaksa mengambil lesen itu tidak-lah timbul, kerana pada hari ini pun mereka itu menjual ikan di-bandar² terpaksa mendapat lesen daripada pehak yang berkuasa. Dan saya beri jaminan di-sini bahawa tidak ada sa-orang pun penjual² ikan yang akan di-paksa mengambil lesen dua kali, ia-itu sa-kali daripada Perbadanan dan sa-kali lagi daripada FAMA atau pun Perbadanan. Mereka hanya mengambil lesen sa-kali sahaja seperti yang ada pada hari ini juga.

Sa-lain daripada itu rancangan ini menhadapkan mereka yang hendak membeli ikan ia-itu retailers di-mana rancangan ini di-jalankan hendak-lah mendapat lesen daripada Perbadanan dan mendaftarkan diri dengan Perbadanan dan mereka itu hendak-lah menyimpan wang pertarohan menurut banyak ikan yang hendak di-beli dari pasar pada tiap² hari.

Tuan Yang di-Pertua, di-sini ada tegoran² yang di-terima oleh FAMA daripada penjual² ikan mengatakan kesusahan mereka jika wang pertarohan seperti itu di-kehendaki. Di-sini FAMA telah menimbangkan bahawa tuntutan mereka itu ada-lah berpatutan dan mungkin-lah akan di-hapuskan, tetapi wang pertarohan yang di-kehendaki

daripada wholesalers akan berjalan terus, kerana satu kesulitan yang sedang berlaku pada hari ini wang² penjualan di-pasar² tidak di-sampaikan kepada nelayan² di-tepi pantai sa-hingga beberapa lama kemudian. Mengikut rancangan yang akan di-jalankan oleh FAMA, FAMA akan membayar segala harga ikan yang di-jual di-pasar dalam tempoh 24 jam kepada nelayan² yang ada di-tepi² pantai dan wholesalers, ya'ani penjual² borongan, membayar balek wang itu kepada FAMA. Jika sa-kira-nya mereka tidak meletakkan wang chagaran, atau deposit kepada FAMA, maka tentu FAMA tidak akan dapat mengutip balek wang itu daripada wholesalers. Kalau sa-kira-nya wholesalers tidak mempunyai wang, FAMA memberikan lebih kemudahan ia-itu dengan ada Bank Guarantee atau lain² jaminan yang boleh FAMA mendapat balek wang itu supaya penangkap² ikan tidak teraniaya, tidak mendapat bayaran ikan serta-merta, kerana mereka ada-lah terdiri daripada orang miskin berkehendakkan wang dengan serta-merta.

Rancangan ini juga menhadapkan supaya Perbadanan ini di-beri kuasa membina kilang ayer batu, bilek² sejok dan mengadakan kenderaan untuk mengangkat ikan tetapi sa-belum kemudahan² ini di-buat, Perbadanan akan mencari sa-bagaimana kemudahan² yang ada sekarang ini dan di-gunakan dengan harga atau bayaran sewa yang rendah. Ini adalah satu perkara yang sangat mustahak kerana pada masa ini nelayan² terpaksa membayar harga ayer batu yang sangat tinggi dan kemudahan² seperti bilek sejok dan kenderaan sangat-lah kurang.

Sa-lain daripada itu Perbadanan boleh mengadakan bangunan² pasar borongan atau tempat mendaratkan ikan, kerana pada masa ini kemudahan² yang seperti itu sangat kekurangan dan tidak memuaskan. Memang menjadi tujuan Perbadanan untuk mengadakan kemudahan² seperti ini, kerana ini ada-lah satu daripada jalan untuk menjamin nelayan² mendapat harga yang berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu sama-ada penerangan saya terlampau lanjut, tetapi oleh kerana Ahli Yang Berhormat meminta butir²-nya, maka saya terpaksa menerangkan dengan sa-jelas-nya.

Ranchangan ini membolehkan pemborong² dan pembeli² ikan yang berdaftar dengan Perbadanan dan tidak puas hati dengan keputusan yang dibuat oleh Perbadanan tentang harga ikan, mutu ikan, pengeluaran lesen, membeli ikan dan sa-bagai-nya boleh meminta FAMA menimbang sa-mula keputusan² yang telah di-buat oleh Perbadanan itu dan FAMA boleh membuat keputusan yang akhir dan muktamad.

Apa-kah faedah yang boleh di-dapati oleh ranchangan itu kepada nelayan², sa-kira-nya ranchangan ini dapat di-jalankan? Kaum² nelayan ada-lah di-harap akan dapat harga berpatutan yang stable yang sesuai dengan tenaga² dan wang ringgit yang di-keluarkan oleh mereka untuk menangkap ikan, nelayan² juga akan dapat membeli ayer² batu yang murah, sewa² bilek sejok yang ringan, menggunakan sistem pengangkutan yang terator dan lain² kemudahan saperti tempat mendaratkan ikan, bangunan² di-mana ikan itu boleh di-pilih, di-ator dan di-simpan. Nelayan² juga akan dapat pembayaran wang tunai atas penjualan mereka itu dan harga² ikan yang di-jual oleh mereka itu akan dapat diketahui menerusi ma'lumat² yang di-beri oleh Perbadanan.

Chara timbang-menimbang juga akan di-tetapkan dengan sempurna supaya nelayan² mendapat ke'adilan. Tetapi kaum² nelayan jangan pula mengharap-kan bahawa dengan ada-nya ranchangan ini, maka pendapatan mereka akan menjadi berlipat ganda dengan serta-merta. Kesulitan² yang akan di-hadapi oleh FAMA untuk melaksanakan ranchangan ini ada-lah sangat banyak. Sa-suatu ranchangan untuk memecahkan suatu teradisi yang telah berakar-umbi itu bukan-lah mudah. Di-Hongkong di-mana ranchangan² saperti ini telah di-jalankan telah mengambil masa lebih kurang 20 tahun

untuk menjayakan-nya. Sunggoh pun masa suntok untuk FAMA menerima bantahan atau pun tegoran telah ditutup, bagi pehak FAMA maseh bersedia menerima apa² juga chadangan daripada orang ramai untuk memper-baiki lagi ranchangan itu. FAMA berpendapat ini ada-lah ranchangan yang sa-habis² kurang yang patut di-jalankan. Jika nelayan² hendak di-beri perlindungan daripada di-perah dan di-tindas dalam masa mereka menjalankan perusahaan mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Undang² atau pun Perlembagaan FAMA dalam section 4 mengatakan apabila ada chadangan daripada orang ramai atau pun chadangan yang timbul daripada FAMA sendiri hendak menjalankan satu² ranchangan pemasaran maka hendak-lah lebih dahulu chadangan² itu di-gezetkan dan sa-sudah itu hendak-lah di-beri tempoh sa-kurang²-nya 30 hari kepada orang ramai untuk membuat bantahan (objection) dan ini telah pun di-jalankan dan kemudian daripada itu hendak-lah di-adakan pula inquiry daripada orang ramai supaya mengemukakan pendapat mereka dan mengeluarkan bantahan². Sa-sudah mendengar bantahan² daripada orang ramai itu, maka baharu-lah FAMA menimbangkan sama-ada hendak meminda peratoran² itu, atau hendak menghapuskan-nya, atau menjalankan-nya terus. Di-sini saya suka menyatakan bahawa bantahan² daripada orang ramai telah pun di-terima termasuklah satu daripada-nya daripada Presiden Parti Gerakan Ra'ayat Malaysia. Dan bagi pehak FAMA sa-belum menjalankan inquiry telah pun melantek sa-buah Jawatan-kuasa untuk menimbangkan bantahan daripada orang ramai sa-belum di-bawa kepada inquiry Jawatan-kuasa ini mengandongi lebih kurang 12 orang terdiri daripada wakil FAMA, wakil nelayan² sendiri, wakil daripada Consumers Association dan wakil Traders Association. Jadi semua pehak ada di-wakili dalam Jawatan-kuasa ini untuk menimbangkan segala bantahan² dan kemudian daripada itu FAMA akan mengadakan inquiry di-mana Ahli Yang Berhormat dari Batu boleh-lah datang ka-dalam inquiry ini untuk menyatakan pendapat²-nya.

Pendapat² beliau akan di-hargai dan jika di-fikirkan berpatutan boleh di-timbangkan oleh FAMA untuk di-jalankan kerana FAMA tidak ada niat hendak menyusahkan mana² pihak juga pun, tetapi ia-lah sa-mata² kerana hendak memberikan pertolongan kepada orang² yang miskin. Dan satu daripada yang di-sebutkan oleh Presiden Parti Gerakan Ra'ayat Malaysia ini menyatakan bahawa jika ranchangan ini di-jalankan, maka akan hapus-lah kebebasan penangkap² ikan menjual ikan kepada sa-siapa yang mereka suka. Ini tidak-lah benar kerana bukan semua daerah Malaysia akan di-ish-tiharkan kawasan pemasaran, chuma di-dalam kawasan bandar² sahaja dan penangkap² ikan ada-lah dudok di-luar kawasan pemasaran di-kampung² mereka boleh menjual ikan mengikut suka hati kepada siapa sahaja yang mereka hendak jualkan ikan² itu.

Dr Tan Chee Khoo: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk bertanya dalam Bahasa Kebangsaan dan bahasa Inggeris. Tuan Yang di-Pertua, tadi Menteri yang berkenaan telah memberi jawapan yang sempurna, tetapi beliau berkata walau pun ranchangan tersebut untuk faedah nelayan, untuk faedah penjual² kecil atau retailers, untuk wholesalers tetapi FAMA telah menerima bantahan² dan tegor²-an daripada semua pihak walau pun nelayan penjual kecil atau wholesalers dan daripada parti politik dan orang ramai juga. Soal yang saya hendak bertanya boleh-kah beliau menerangkan lagi sebab² semua segi nelayan² atau penjual kecil, atau wholesalers, atau pemasaran perikanan—sharikat pemasaran perikanan atau traders association telah membantah ranchangan itu.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, bantahan yang datang daripada sa-tengah² nelayan² kerana mereka tidak faham. Apabila pegawai² FAMA bertemu dengan mereka dan memberikan penerangan mereka semua telah menerima ranchangan ini dengan baik. Mana² yang membantah akan di-beri penerangan yang lebih jelas. Berhubung dengan bantahan daripada retailers ia-lah kerana mereka

Tuan Tan Toh Hong (Bukit Bintang): (*dengan izin*) Mr Chairman, Sir, I would like to support the allocation for the Agricultural Planning and Research of \$115,704 under Head B.10, items (55) to (58), the allocation for the Division of Food Technology of \$254,728 under Head B.10, items (66) to (85), the allocation for Animal Production Research Institute of \$43,410 under Head B.10, items (318) to (335), and the allocation for Animal Husbandry Branch of \$337,857 under items (286) to (301). As the allocations for all these items are inter-related and in order to save time, Mr Chairman, Sir, I shall touch on all these allocations together and at the same time. Mr. Chairman, Sir, agricultural livestock and animal husbandry development have been accorded top priority in our national effort to ensure that our people will continue to enjoy a higher standard of living and a better way of life. These allocations for agricultural improvements in the Budget are necessary, because I am convinced that success in agricultural development and diversification of crops is vital for the overall economic growth of the country; and unless we are to build up a strong agricultural base, the progressive growth of our industrialisation programmes and of the tertiary sectors of the economy will be seriously retarded. Agriculture is still and will continue to be the mainstay of the Malaysian economy. The Government's basic approach as envisaged in these allocations to achieve the above objects through the encouragement of increased agricultural productivity of our farmers, thereby bringing greater income and through the massive alienation of forest land for new agricultural production as well as agricultural and livestock diversification, deserves our 100% support.

Sir, I submit that our Government can achieve a faster and better overall result in opening up not only more new land in relatively under-developed States like Pahang, Johore and so forth, but also in alienating more virgin land for agricultural purposes in more populated States like Selangor, Perak and other similar States. For

instance, in Selangor, in the Sabak Bernam, in the Ulu Langat and Bangi areas, vast tracts of forests are ideal locations. Equally, if not more, ideal are those forests about ten to fifteen miles outside and surrounding Kuala Lumpur such as those along Cheras Road, Ampang and Ukay Heights reserve, Bentong Road, Rawang Road and so on, where new virgin lands are yet to be exploited for agricultural and livestock productions. I submit, Sir, that these areas, about ten to fifteen miles outside the Federal Capital, could be given to our people, both *bumiputras*, and *non-bumiputras*, in small economic units of five to ten acres per family. They should also be given to our unemployed people in Kuala Lumpur, in Kampong Bahru and in Kampong Pandan, where the total number of unemployed is probably the highest in the nation, owing to concentrated population growth in the Capital and the migration of rural people to the Capital. In each of these new smallholding units, the newly settled people should be encouraged, guided and assisted by the Department of Agriculture to establish mixed farming such as cultivation of maize, groundnut, sago, coffee, sugarcane, vegetables, fruits, like bananas, and melons, together with livestock rearing such as goats, cattle, pigs, chicken, ducks, eggs and so forth.

Mr Chairman, Sir, these are worthy agricultural economic projects. Any further diversification in agriculture and in livestock development and any new production of crops and livestock through opening up of idle land will not only bring about an increase in national wealth but also in the substitution for imports, thereby saving foreign exchange. In addition, they will bring new economic benefits to our people and also will ease our unemployment problem, especially in areas like Kampong Bahru, Kampong Pandan and in a big city like Kuala Lumpur. At the same time, because these crops, fruits, vegetables, cattle, goats, pigs, poultry and eggs, are produced near big centres of consumer demand only about ten to fifteen miles away from Kuala Lumpur, reduction in transport cost, owing to

the short distance covered, will enable our housewives to buy them at a cheaper rate, and because they are cheaper, our housewives can buy more out of a limited budget, thereby improving the nutrition intake of the population.

Mr Chairman, Sir, these proposals to create more national income, to give our people both *bumiputras* and *non-bumiputras* new opportunities to earn a better livelihood and to obtain better security, to create employment for the unemployed, to enable our housewives to buy more and to have more nutritious food deserve the full support of this House.

I, therefore, strongly urge the Government to give these suggestions serious consideration and speedy implementation. Thank you.

Tuan Haji Aziz bin Ishak (Muar Dalam): Tuan Pengerusi, saya berchakap berkenaan dengan B.10 di-bidang Sharikat Kerjasama.

Bagaimana yang telah saya perkatakan dahulu sa-masa membahaskan belanjauan ini, ia-itu di-dalam siri Gerakan Maju untuk meninggikan taraf hidup penduduk² di-kawasan luar bandar, sharikat kerjasama ada-lah menjadi salah satu daripada rukun²-nya. Tetapi apa yang saya hendak menarek perhatian Kementerian ini ia-lah dari segi kemajuan dan perkembangan Jabatan ini untuk mempengaruhi orang ramai supaya sharikat kerjasama ini dapat di-terima oleh ra'ayat sa-bagai salah sa-buah rukun hidup yang membawa kepada pertinggian taraf hidup-nya masing².

Pada pendapat saya, Tuan Pengerusi, atas apa yang telah saya alami sa-lama menjadi salah sa-orang daripada Jawatan-kuasa Luar Bandar Daerah, sampai sa-takat hari ini perkembangan sharikat kerjasama ini maseh belum lagi dapat meresap ka-satiap hati ra'ayat dan di-antara sebab²-nya boleh-lah saya kemukakan di-Dewan yang mulia ia-itu salah satu daripada-nya, kekurangan penerangan, kekurangan pegawai² yang terlatah dengan mempunyai rasa tanggung-jawab bersukarela dan keku-

rangan peruntukan Jabatan ini tidak sa-imbang dengan kehendak dan keperluan yang sa-patut-nya.

Saya boleh-lah memberikan beberapa chontoh perkara² yang telah berlaku yang selalu di-timbulkan oleh ra'ayat di-kampung² sa-masa di-adakan kursus² Gerakan Maju. Di-sini boleh-lah saya katakan, Tuan Pengerusi, pada tiap² kampung jika di-pereksa markah²-nya, sudah tentu sharikat kerjasama-lah yang terbelakang sekali dan jika di-tanya pada mereka, mengapa-kah tuan² tidak dapat mengadakan sharikat kerjasama, maka di-jawab oleh mereka itu, ia-lah dengan sebab kurang penerangan dan ada sa-tengah² Ketua Kampung berkata, saya telah meminta Pegawai Sharikat Kerjasama datang memberi penerangan maka di-jawab-nya, sudah habis elaun perjalanan.

Bukan perkara ini sa-tempat sahaja berlaku bagini, tetapi boleh-lah di-katakan seluruh tempat² bagini juga jawapan-nya. Tuan Pengerusi, apa yang saya ketahu² bahawa ada sa-tengah² Pegawai Sharikat Kerjasama ini kerja-nya ia-lah hanya menjaga perjalanan sharikat yang ada supaya berjalan dengan baik dari segi pentadbiran-nya, tetapi bukan mereka bertugas untuk memberi penerangan. Pegawai² hanya selalu kedapatan datang dalam masa pembukaan sharikat² yang baharu atau pun di-dalam Mesuarat² Agong sahaja.

Untuk mempersesuaikan keadaan memperoses perkembangan sharikat kerjasama ini, Tuan Pengerusi, saya ada-lah menchadangkan supaya Kerajaan mengadakan peruntukan yang lebeh di-Kementerian ini terutama sekali menubuhkan Jabatan Seranta (Penerangan) Bahagian Sharikat Kerjasama untuk membuat lawatan kampong², melatah lagi banyak pegawai² dan memberikan mereka itu kursus dengan semangat kemajuan serta bersukarela dengan menambah peruntukan² elaun perjalanan serta kerja lebeh masa yang berpatutan kepada pegawai² sharikat ini, dan sa-telah itu Kementerian ini hendak-lah mengadakan satu gerakan sa-chara besar²an, sa-chara revolusi, menggerakkan sharikat kerjasama ini dan tatkala itu saya

perchaya keadaan penubohan sharikat² ini akan dapat di-terima sa-penoh-nya oleh ra'ayat. Tambahan peruntokan ini ada-lah merupakan penanaman modal dari segi Kementerian ini dan sa-telah perojek² ini telah berjalan baik dan dapat di-terima oleh ra'ayat maka pada kemudian hari peruntokan ini bolehlah di-kurangkan pula.

Tuan Pengerusi, saya tidak-lah berse-tuju di-atas apa yang telah di-umumkan oleh Menteri Yang Berhormat, ia-itu sharikat² kerjasama yang tidak mempunyai ahli² kurang 100 orang akan di-tolak pendaftaran-nya. Saya berharap Kementerian hendak-lah memberi pengechualian kepada sa-tengah² tempat yang keadaan tempat-nya jauh berbatu², di-hulu² sungai, serta penduduk²-nya kurang dari 100 orang, tetapi mereka berkemahuan hendak menubuhkan sharikat² kerjasama jikalau mereka di-satukan kepada satu kampung yang lain maka akan menjadi kesusahan dari segi pentad-biran-nya. Keadaan ini akan menjadikan tergendala kepada penubohan sharikat² kerjasama ini dan menjadikan lemah semangat orang² kampung terhadap gerakan sharikat kerjasama ini.

Tuan Pengerusi, pada akhir-nya saya hendak berchakap dari segi sharikat kerjasama ini ia-lah penubohan sharikat² kerjasama di-dalam Rancangan Kemajuan Tanah Persekutuan. Saya telah mendapat pengaduan dari penduduk² ranchangan bahawa mereka telah pun menyimpan beribu ringgit wang untuk sharikat² kerjasama, tetapi malang-nya penubohan sharikat² itu telah tidak dapat di-lakukan kerana konon-nya penduduk² ranchangan itu tidak berkebolehan untuk mentadbir. Saya berharap Kementerian mengambil perhatian berat atas perkara ini supaya sharikat² kerjasama di-dalam Rancangan Tanah Persekutuan dapat di-tubuhkan segera. Jikalau berkehendakkan pegawai² terlatah maka boleh-lah dengan segera pehak Kementerian mengambil penduduk² ranchangan ini pergi berkursus dan saya perchaya jikalau perkara ini dapat di-lakukan maka nekmata kerjasama akan dapat di-rasai oleh penduduk² di-dalam ranchangan tanah.

Tuan Sulaiman bin Haji Taib (Krian Laut): Tuan Pengerusi, dalam perbahathan mengenai Kepala B.10, peruntokan bagi Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama ini, saya suka-lah mengambil kesempatan untuk berchakap di-atas satu dua perkara.

Pertama, Tuan Pengerusi, muka surat 81—Penempatan Sa-mula Mata² Khas. Dalam peruntokan ini kita dapati pada tahun 1968 yang lalu berjumlah \$165,693 dan pada tahun 1969 ini peruntokan sa-banyak \$126,794 kerana urusan pentadbiran pegawai² dan kaki-tangan² Kerajaan, dan di-muka surat 110 Kepala Kechil 119, Kepala Kechil 120 dan Kepala Kechil 121, peruntokan sa-banyak \$77,400 pada tahun ini berbanding dengan pada tahun yang lalu berjumlah \$98,100.

Tuan Pengerusi, peruntokan yang di-bentangkan ini akan dapat-lah di-fahamkan, ia-itu Jabatan yang mengendalikannya berhubung dengan Penempatan Sa-mula Mata² Khas ini hanya-lah merupakan sa-bagai satu Jabatan yang mendapatkan satu kerja yang telah keterlanjoran. Jadi, Tuan Pengerusi, untuk hendak merengankan tugas Kementerian ini dan supaya perkara yang telah berlaku ini dapat diperbetulkan dan juga demikian untuk menjimatkan perbelanjaan, saya suka-lah mengeshorkan supaya Jabatan ini di-mansokhkan sahaja dan tanggungjawab bagi mentadbirkan perkara ini di-serahkan kepada MARA.

Tuan Pengerusi, saya rasa ada lebih tepat dan lebih sesuai, tugas untuk memberikan bantuan bagi Pasokan Mata² Khas ini di-serahkan kepada MARA kerana memandangkan tanggungjawab yang sedang di-jalankan oleh MARA pada hari ini ia-lah bertujuan untuk memperbaiki keadaan kehidupan ra'ayat di-luar² bandar.

Yang kedua-nya, Tuan Pengerusi, saya suka berchakap di-atas Kepala B.10 ini, muka surat 105, Chawangan Penyelidek, Pechahan Kepala 36, Kawalan Musoh² dan Penyakit Tumbuhan². Tuan Pengerusi, bagi petani² terutama sekali petani² di-kawasan saya

telah beberapa tahun ternanti² di-atas usaha yang di-jalankan oleh Jabatan ini untuk hendak menghapuskan penyakit² merah dan penyakit chaching halus yang boleh di-katakan sa-tiap tahun menyerang padi di-dalam negeri ini, terutama sekali di-kawasan Krian: tetapi malang-nya, Tuan Pengerusi, apa yang telah selalu kita dengar, pehak Kementerian ini mengatakan siasatan dan penyelidekan maseh sedang di-jalankan dan hasil²-nya belum dapat di-berikan dengan tepat. Jadi, Tuan Pengerusi, kita amat berharap-lah, ia-itu di-samping Kerajaan kita pada hari ini sedang berusaha dengan begitu giat, memajukan lapangan pertanian ini, tetapi apa yang kita harus fikir sama hal chara hendak menchegeh penyakit² patut di-pergiatkan, kerana pada sa-tiap tahun kita dapati kerosakan² yang menimpa petani² ini adalah amat besar dan amat banyak.

Yang kedua dalam menchegeh penyakit ini juga, Tuan Pengerusi, ia-lah berkenaan dengan musoh² tanaman ini juga ada-lah mustahak di-berikan perhatian yang berat, umpamanya, pada hari ini pehak Kementerian Pertanian dalam usaha memberikan rachun² bagi menchegeh musoh² padi kapada petani², terutama sekali musoh tikus, rachun yang di-berikan ia-lah hanya satu jenis sahaja, ia-itu rachun serbok yang hitam itu, dan sa-benarnya, Tuan Pengerusi, rachun ini pada permulaan memang baik dan mendatangkan kesan yang bagus bagi membunuh tikus², tetapi lama kelamaan rachun ini, pehak tikus telah mengetahui dan dia tidak mahu makan benda yang di-umpankan dengan rachun itu, barangkali oleh kerana bau rachun itu terlampau kuat, sebab itu tikus² itu tidak mahu makan; sebab itu, Tuan Pengerusi, patut Jabatan ini memberi jalan dan berikhtiar lagi bagi mengadakan rachun² yang lebeh baik mutu-nya terutama sekali yang tidak mendatangkan kesan bau bagi rachun itu. Dan juga, Tuan Pengerusi, saya suka-lah mengeshorkan kapada Jabatan ini, pehak Kementerian ini dalam menchegeh atau pun menghapuskan musoh² tikus ini patut-lah pehak Kementerian ini menganjorkan suatu kempen sa-chara besar²an di-seluruh

negara untuk memusnahkan tikus ini; terutama sekali kempen² ini mungkin dapat di-lakukan dan arahan di-keluarkan kapada pehak Jawatan-kuasa² Kemajuan Kampong mengarahkan supaya kampong² di-kawasan pertanian supaya di-bersehhkan dan gerakan² memusnahkan tikus² ini dapat di-jalankan dengan sa-chara serentak dan terator.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh muka surat 88, Bahagian Parit dan Taliayer. Pada tahun yang lepas saya telah mengemukakan dalam Dewan yang mulia ini suatu perkara yang telah berlaku dalam kawasan saya berhubung dengan keruntohan ban di-tepi laut di-kawasan sawah padi, di-tempat yang bernama Kampong Sungai Baharu, Tanjong Piandang. Tuan Pengerusi, telah tersiar dalam akhbar yang mana petani² di-kawasan itu telah menyeru, merayu benar² kapada pehak Kementerian ini supaya menchari jalan, berikhtiar untuk menchegeh di-atas keruntohan ban ini. Tuan Pengerusi, perkara keruntohan ban di-tempat itu bukan-lah perkara yang baharu bahkan telah berpuluh² tahun berlaku, dan kawasan bendang yang telah di-telan oleh lautan di-situ bukan-lah 20/30 ekar, barangkali beratus² akan di-telan oleh lautan; dan pada tahun yang lepas sahaja, Tuan Pengerusi, berpuluh² ekar sawah, beratus² ekar sawah di-kawasan itu yang padi-nya sedang masak telah di-musnah oleh ayer laut ini, dan pehak petani² di-situ telah membuat tuntutan ganti rugi kapada pehak Jabatan Pertanian, tetapi malang-nya pehak Jabatan Pertanian telah memberi jawapan bagi pehak Jabatan Pertanian ia tidak dapat memberikan ganti rugi kerana ini adalah kerosakan yang di-sebabkan oleh malapetaka, dan begitu-lah juga, Tuan Pengerusi, pehak Jabatan Parit dan Taliayer bukan-lah tidak ada menjalankan usaha untuk menchegeh ban² ini daripada runtoh, tetapi usaha yang di-jalankan itu hanya-lah untuk memper-tahankan sahaja dan suatu perkara, Tuan Pengerusi, terbit daripada usaha yang di-jalankan oleh pehak Jabatan Parit dan Taliayer membuat ban² sementara ini maka banyak-lah pula kawasan² tanah petani² di-situ yang telah di-ambil kerana di-korek untuk

membuat ban² sementara itu, dan ba-haru² ini Tuan Pengerusi, pehak petani² yang tanah-nya di-ambil itu, yang tanah-nya terkeluar daripada kawasan ban tadi membuat rayuan kepada pehak yang berkenaan meminta supaya di-beri ganti rugi, tetapi pehak Jabatan Pertanian hanya dapat memberikan ganti rugi mengikut tempat² yang di-korek itu sahaja, tetapi kawasan yang lain, yang terkeluar daripada ban yang di-korek itu, tidak dapat di-beri ganti rugi. Saya berharap-lah kepada pehak Kementerian ini supaya mengambil perhatian di-atas perkara ini supaya petani yang terlibat itu tidak akan bersungut lagi.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, dalam Kepala B.10 ini juga, muka surat 83, Bahagian Pertanian, saya suka-lah menyentoh sedikit terutama sekali saya suka-lah menguchapkan terima kaseh kepada pehak Pegawai² Pertanian yang telah berusaha sa-lama ini untuk memajukan hasil² pengeluaran pertanian di-dalam negara kita ini dan sejak beberapa tahun kebelakang ini telah pun nampak ia-itu hasil² pertanian kita ini telah bertambah pengeluaran-nya dan begitu banyak, dan kalau kita perhatikan juga di-kawasan² pertanian penghidupan ra'ayat di-kawasan itu semakin hari sa-makin baik dan bertambah meningkat; tetapi, Tuan Pengerusi, sa-bagai sa-orang wakil yang datang daripada kawasan pertanian saya suka-lah mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan perkara yang sekarang ini sedang merunsingkan hati petani² di-kawasan saya kerana ada khabar² angin yang di-tiupkan oleh pehak² pembeli² padi yang konon-nya Kerajaan akan menurunkan harga padi yang ada sekarang ini.

Tuan Pengerusi, saya tidak tahu-lah perkara ini. Mengikut yang saya mengetahui barangkali perkara harga padi ini bukan-lah tanggong-jawab Kementerian Pertanian ini, tetapi untuk mengambil kesempatan dalam Dewan yang mulia ini, demi untuk menjaga kepentingan petani², saya suka-lah merayu dan memohon kepada pehak² yang berkenaan supaya mengekalkan harga padi yang ada sekarang ini sa-hingga

beberapa waktu atau tahun yang akan datang ini.

Apa yang kita dapati, Tuan Pengerusi, hasil pengeluaran padi di-dalam negara kita ini belum-lah menchukupi lagi, dan kita tidak-lah berasa hairan sa-kira-nya kalau padi di-dalam negeri kita ini sudah terlalu banyak dan berlebehan maka pada ketika itu, kalau di-fikirkan patut, kita turunkan harga yang ada sekarang ini tentu-lah tidak merunsingkan ra'ayat; tetapi pada apa yang kita nampak pada hari ini, Tuan Pengerusi, dalam usaha kita hendak membanyakkan pengeluaran padi ini dan untuk supaya jangan petani² ini berasa lemah semangat, maka patut-lah harga padi yang ada sekarang ini di-kekalkan lagi. Sekian.

Tuan Sulaiman bin Bulon (Bagan Datoh):

Tuan Pengerusi, saya mengambil peluang sedikit sahaja dalam perbahathan ini, ia-itu menyentoh dalam perkara IV dalam Bahagian Haiwan. Nampak saya di-sini peruntukan bagi menchegeh penyakit atau pun mengawal penyakit haiwan ini ada-lah \$33,250. Saya sukachita mengambil peluang ini menyatakan bahawa dalam kawasan saya ada di-katakan penyakit tokak kepada binatang² saperti lembu, kambing, dan sa-bagai-nya. Jadi, dengan kerana ada lembu pawah di-keluarkan dan penyakit tokak ini ada di-dalam kawasan saya, maka menyebabkan peruntukan lembu pawah ini telah tidak dapat di-perbahagikan kepada sa-bahagian daripada kawasan saya itu. Jadi, saya minta dengan peruntukan ini supaya Pegawai² Haiwan dapat pergi menyiasat ka-tempat saya itu bagaimana hendak menchegeh penyakit tokak ini yang menyebabkan rasa tidak puas hati kepada orang² di-sabelah sana yang mana tidak dapat lembu pawah.

Tuan Pengerusi, agak tahu pada masa ini demam hendak menjadi chalu pilehanraya terlalu menjadi², dengan sebab itu ada sahaja perkara yang menimbulkan boleh tidak menyedapkan hati wakil² ra'ayat yang ada pada masa sekarang, kerana ini boleh menyebabkan bukan kerana sebab penyakit, tetapi sebab kelemahan

wakil² ra'ayat tidak menjalankan tugasnya untuk hendak menarek peruntokan bagi pawah lembu yang saperti itu. Jadi, saya harap-lah Pegawai² Haiwan dapat menyelenggara perkara² yang sa-umpama itu yang timbul dalam kawasan saya itu.

Juga, lembu pawah, Tuan Pengerusi, nampaknya tahun sudah peruntokan ini ada lebeh hampir \$100,000 tetapi tahun ini telah berkurang menjadi \$70,000 peruntokan ini, wal-hal ini satu ranchangan yang baik yang boleh menolong memperbaiki keadaan hidup ra'ayat² yang di-luar² bandar dan juga untuk hendak mempertinggikan keadaan hidup ekonomi kita dari segi daging dan sa-bagai-nya—ini ada-lah termasuk dalam garisan ini. Jadi, saya tidak nampak mengapa-kah peruntokan ini di-kurangkan. Juga, saya minta kapada Pegawai² Haiwan apabila sam-pai peruntokan kapada tiap² daerah atau pun masing² Pegawai dapat peruntokan, hendak-lah jangan tergesa² lekas sangat hendak membeli lembu atau pun kerbau, kerana ada kadang kala-nya di-dapati lembu yang kurus di-beli, ada lembu yang ada juga penyakit, tetapi mereka tahu hal² penyakit haiwan, juga ada lembu liar di-beli, bila di-tambat, lembu ini lari dan hilang dan kadang kala kena di-tembak kerana hendak mendapatkan balek lembu itu. Jadi, perkara sa-umpama ini sangat menyedehkan orang² kampung yang hendak mendapatkan lembu ini, pada hal lembu ini boleh di-katakan lembu yang di-pilih baharu-lah diperbahagikan kapada orang² kampung. Jadi, ini juga saya rasa sangat perlu saya menyatakan di-sini kerana di-kawasan saya ada banyak lembu pawah ini di-berikan kapada orang² kampung tetapi tidak begitu memuaskan hati. Juga, saya rasa perlu menyatakan rasa sukachita dan terima kaseh yang banyak kapada Kementerian ini yang telah pun banyak memberikan layanan tentang permohonan daripada kawasan saya atas lembu² pawah yang saperti itu.

Dan juga kambing pawah, nampaknya di-sini ta' ada masok kambing pawah. Saya harap kambing pun patut di-perbesar lagi keadaan-nya su-

paya dapat-lah orang² kampung memelihara kambing ini yang banyak dan dengan pertolongan yang di-buat itu, nampak saya ada-lah memberikan kejayaan. Tetapi, ada kala-nya tidak dapat peruntokan ini, sama-ada daripada mana saya ta' faham-lah bagaimana pula yang terhenti ranchangan memberikan ranchangan kambing pawah, pada hal orang² Melayu yang di-kampung² sudah turun-temurun ada-lah memelihara kambing² itu, dan patut sangat kambing itu kita biak²an lagi supaya dengan jalan itu kehidupan orang kampung dapat diperbaiki. Jadi, saya tidak menyentoh lain perkara walau pun ada banyak hal yang lain saya hendak menyentoh, tetapi rakan² saya hendak mengambil bahagian tentang itu, dan saya mengucapkan terima kaseh atas sedikit sa-banyak pandangan yang saya beri dalam soal dua perkara yang saya sebutkan tadi.

Tuan Abdul Karim bin Abu (Melaka Selatan): Tuan Pengerusi, saya telah mengikuti ucapan Yang Berhormat Menteri Pertanian masa membentangkan Anggaran Perbelanjaan kewangan bagi Kementerian-nya. Saya menyokong penoh apa yang telah di-rayukan oleh Yang Berhormat Menteri supaya Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak ragu² lagi membenarkan peruntokan yang di-minta oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian kerana negara kita.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menurut supaya di-tambah bilangan pegawai² terutama sekali pegawai pertanian. Saya juga menyokong dan menambah bukan sahaja Jabatan Pertanian bahkan di-harapkan mendapat perhatian juga pada Jabatan Kerjasama dan Jabatan Haiwan. Tuan Pengerusi, saya suka memberi pandangan saya dalam Majlis ini walau pun harus berlawanan dengan rakan² saya, tetapi ini ada-lah pandangan saya sendiri. Yang pertama, pada muka surat 81, berhubung dengan Penempatan Sa-mula Mata² Khas, saya menyokong rakan saya yang baharu berchakap, Jabatan ini patut dimansokhkan sahaja, dan berbedza sedikit, patut-lah di-pulangkan kapada

Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, kerana Jabatan F.A.M.A. atau M.A.R.A. ini sangat-lah berat tanggung-jawab-nya. Kita sedia ma'alum, saya tidak-lah hendak men- gulas dengan panjang.

Sa-lain daripada itu, pada muka surat 85, Butiran (165) berhubung dengan Pembantu Pertanian Rendah, saya berharap pegawai² ini juga mendapat perhatian daripada pehak Kementerian sama-ada di-tambah lebeh ramai lagi dan layanan yang saya kehendaki pegawai ini telah bekerja dengan sungoh untuk hendak memajukan kaum² tani dan bekerja kuat dalam ranchangan JAYADIRI. Ini dapat di-buktikan dalam kawasan saya kerana dua-tiga buah kampong telah di-jadikan kawasan JAYADIRI. Pembantu Pertanian ini bekerja hingga lupa-kan masa untuk memberi pimpinan kepada penduduk² daripada kaum tani.

Tuan Pengerusi, pada muka surat 91, Chawangan Menternak Ternakan —Chawangan ini patut-lah di-beri galakan. Hanya-lah saya suka-lah memberi pandangan kepada Yang Berhormat Menteri, di-kawasan saya ada sa-ratus ekar tanah di-Batu Gajah Pasir, bukan Perak Batu Gajah Sebatu. Dalam Meshuarat Pembangunan Daerah, kita telah membuat keputusan supaya kawasan yang 100 ekar ini di-jadikan kawasan ternakan membela lembu atau kerbau. Harus keputusan ini telah pun di-hantar ka-atas, kerana bersama² dengan Pegawai Daerah, Pegawai Haiwan Negeri telah pergi me-nyiasat tempat itu dan ada-lah sesuai menjadi tempat membela ternakan lembu. Kira-nya tempat ini di-buat kerana dia dudok di-dalam kawasan JAYADIRI, tentu-lah akan menjadi perhatian chontoh dan tauladan kepada orang² luar yang akan datang ka-negeri kita ini dapat kita bawa ka-sana sa- bagaimana gerakan menternak yang di-buat oleh Kementerian ini. Tujuan saya supaya Yang Berhormat Menteri mendapat beri sokongan menjadi chon- toh, kerana di-dalam Negeri Melaka belum, rasa saya, ada lagi kawasan yang bagini besar yang boleh di-tem- patkan untuk membela ternakan, sung-

goh pun ada ranchangan Kerajaan membela lembu di-Pulau Besar, saya tidak tahu-lah ini ranchangan sudah berjalan, sama-ada dia setuju atau tidak oleh Jabatan Haiwan, saya tidak tahu, tetapi sudah di-mulakan, tetapi Pulau Besar itu yang tahu saya tempat pe- lanchong yang baik.

Tuan Pengerusi, pada muka surat 94, Bahagian Kemajuan Kerjasama: saya bukan-lah berlawan dengan rakan saya yang baharu berchakap tadi, te- tapi fahaman saya sendiri, kerana Sha- rikat Kerjasama ini telah di-lahirkan di-dalam Malaysia ini 40 tahun yang lalu. Walau pun merangkak, walau pun bagaimana susah pahit, Jabatan Kerjasama ini tetap ada dan apabila kita telah Merdeka, Kerajaan kita telah memberi pandangan yang sungoh² sa- hingga di-masokkan di-dalam pema- ngunan kita jatuh nombor 5 atau nom- bor 6, ia-itu Kerajaan mengaku ada- lah Kerjasama itu satu daripada bahagian yang boleh menghidupkan, menaikkan taraf hidup ra'ayat teruta- ma sekali di-luar bandar, khas-nya pada orang² Melayu. Orang Melayu, Tuan Pengerusi, kalau hendak bertan- ding dengan orang lain dalam segi perniagaan dengan nama persaoran- an rasa saya ada-lah susah, tetapi Kerajaan telah memimpin dengan me- lalui Bahagian Kemajuan Kerjasama ini, kita dapat tengok di-tanah ayer kita pada masa ini, bertingkat² rumah, berpuluh² tingkat rumah ia-lah dengan jasa Sharikat Kerjasama, beberapa banyak ladang yang telah di-beli oleh Sharikat Kerjasama, dan kalau saya hendak cerita hal kemajuan yang di- buat oleh Sharikat Kerjasama tentu-lah mengambil masa yang panjang, mena- sabah-lah Yang Berhormat Menteri kita, Menteri yang ada hari ini sa- hingga dia dudok berseliput di-dalam Surat Khabar, kerana hendak memim- pin ra'ayat yang dia dudok di-dalam Jabatan Kerjasama, kerana dia tahu ada-lah, agak saya, Sharikat Kerjasama ini satu daripada tangga hendak mem- bela nasib ra'ayat jelata.

Saya sa-kali lagi-lah memberikan terima kaseh kepada Pegawai Kerja- sama daripada atas sampai ka-bawah, kerana saya tahu ada-lah Pegawai² Kerjasama ini sa-rupa dengan Pegawai

Pertanian, kadang² dia lupakan masa, hari minggu pun kalau orang kampung jemput mengadakan meshuarat dia pergi—ini saya tidak tahu-lah negeri lain, tetapi negeri saya-lah. Dan tutup office pukul 4 sa-tengah, meshuarat biasa pukul 5, dia kena datang, patut pada masa itu dia main golf atau pun sa-barang kerehatan, tetapi dia kena menjalankan tugas.

Jadi, berhubung dengan Bahagian Kemajuan Kerjasama ini, saya berpendapat, Tuan Pengerusi, patut-lah bukan sahaja hendak di-aleh ka-sana dan kamari, tetapi di-beri sokongan yang penoh oleh Kerajaan terutama Menteri Kewangan kita jangan-lah ragu² lagi hendak meminjamkan wang kepada Sharikat Kerjasama. Ini apa yang saya kata, apabila saya sebut fasal pinjam, di-dalam Malaysia ini ada sa-buah Bank nama-nya Bank Kerjasama, kita berterima kasih kepada Kerajaan, Kementerian Yang Berhormat yang telah menguntokkan berpuluh² juta melalui Bank ini bagi meminjamkan kepada kaum tani, tetapi chuma Bank ini menjadi tempat saloran sahaja, kalau tidak dapat duit itu balek daripada kaum tani, Bank ini kena marah dan macham² lagi.

Tuan Pengerusi: Masa sudah chup. Meshuarat ini di-tangguhkan sahingga pukul 4.00 petang ini.

Persidangan di-tangguhkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 4.00 petang.

RANG UNDANG² PERBEKALAN, 1969

Jawatan-kuasa Perbekalan

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa Perbekalan.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa Perbekalan.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatan-kuasa
Perbekalan)

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Tuan Abdul Karim bin Abu: Tuan Pengerusi, menyambong ucapan saya membahathkan peruntokan Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama sa-belah pagi tadi di-muka surat 94, Bahagian Kemajuan Kerjasama, Ahli² Sharikat Kerjasama yang ada bertabur di-sekitar tanah ayer telah berjaya menubuhkan sa-buah Bank Kerjasama yang asal-nya di-beri nama Bank Agong Kampong Bekerjasama². Saya tidak-lah menapikan bank ini telah mendapat sokongan daripada Yang Berhormat Menteri dan Kerajaan dan pada tiap² tahun di-beri pinjaman berbelas² juta bagi memberi pinjaman kepada kaum² tani dan nelayan². Wang² ini chuma di-salurkan kepada kaum tani melalui Bank Kerjasama. Susah payah Bank Kerjasama hendak mengutip kembali wang² yang di-pinjamkan kepada kaum tani, Kerajaan tidak tahu menahu itu-lah sebab datang bermacam² sangkaan yang kurang sihat terhadap gerakan kerjasama. Bank Kerjasama hendakkan pinjaman terus daripada Kerajaan sa-banyak \$5 juta untuk memberikan pinjaman kepada ahli² dengan chara lewat masa atau lain², harap-lah mendapat perhatian daripada pehak Menteri Kewangan, kalau Kerajaan boleh memberi kepada Sharikat Kerjasama Permodalan Kebangsaan membeli estate² yang berjuta² harga-nya, tentu-lah Bank Kerjasama juga berhak mendapat-nya.

Tuan Pengerusi, sa-lain dari itu Bank Kerjasama dari awal Januari tahun 1969 telah melantek sa-orang Pengurus yang bertauliah ia-itu Enche' Abu Mansor. Mengikut keterangan daripada pehak Kerajaan, Kerajaan akan memberi peruntokan sa-banyak \$1,500.00 tiap² bulan sa-kira-nya Bank Kerjasama telah mendapat sa-orang Pengurus yang bertauliah. Sekarang Bank ini telah mendapat dan di-harapkan Kerajaan akan menunaikan janji membayarkan gaji sa-banyak \$1,500.00 itu tiap² bulan mula² daripada bulan Januari tahun 1969 ini.

Tuan Pengerusi, Sharikat Kerjasama sa-bener-nya mendapat tentangan yang hebat daripada pehak yang tertentu dalam tanah ayer kita ini, bahkan

menempoh pula dugaan² yang maha berat umpama-nya yang akhir² ini Kerajaan hendak menubuhkan pula Bank Tani konon-nya dengan alasan² ini keputusan dari Kongress Ekonomi Bumiputra dan Bank Kerjasama tidak dapat memberikan pinjaman yang meliputi kepada kaum tani. Pada saya ini ada-lah hujjah yang kecil sahaja. Dahulu Kerajaan menubuhkan Bank Bumiputra dengan alasan yang tersebut juga, tetapi ada-kah ra'ayat bumiputra semua mendapat nikmat ini. Sekarang Bank Tani pula. Saya berharap Kerajaan berfikir sa-mula hendak menubuhkan Bank Tani dalam negeri ini. Kalau boleh batalkan sahaja ranchangan itu. Dan saya berharap Kerajaan menyokong sa-penoh-nya Bank Kerjasama yang ada kerana ini ada-lah satu jalan menggalakkan tiap² petani dan nelayan dalam negeri ini menjadi ahli gerakan kerjasama. Saya tidak berfikir Bank Tani yang di-bangunkan nanti akan memberi pertolongan kepada tiap² sa-orang kaum tani dalam negeri ini, kerana Bank ini nanti tentu-lah akan mengenakan sharat² yang ketat lebeh ketat daripada sharat² yang di-buat oleh Bank Kerjasama atas dasar pinjaman seperti apa yang di-buat oleh Bank Bumiputra hari ini. Ra'ayat bumiputra kekurangan serba serbi jangan-lah hendak-nya Kerajaan hanya membanyakkan bank² untuk bumiputra kalau boleh Bank Kerjasama ini kita pupuk taroh baja untuk memberikan pertolongan kepada kaum tani dan nelayan² dalam negeri ini.

Sa-lain daripada menjalankan tugas² yang biasa, Tuan Pesuruhjaya Kemajuan Kerjasama dan lain² pegawai² yang di-bawah-nya memberi sokongan tenaga yang berat kepada Bank Kerjasama, kerana ini ada-lah satu daripada simbol Kemajuan² Gerakan Kerjasama di-tanah ayer kita dan di-harapkan mendapat perhatian yang istimewa juga daripada Yang Berhormat Menteri dan Menteri Kewangan.

Tuan Pengerusi, salah satu ucapan Yang Berhormat Menteri ada mengatakan Bahagian Kemajuan Kerjasama telah di-susun sa-mula dan di-per-

kemaskan kedudukan sharikat kerjasama yang ada ia-itu menchantumkan sharikat² kerjasama yang kecil menjadikan sa-buah sharikat kerjasama serbaguna untuk menjalankan pinjaman perniagaan pengguna dan pasaran. Saya menyokong penoh Yang Berhormat Menteri kerana siapa yang telah berkechimpong di-dalam sharikat kerjasama sedar akan hal ini, kalau tidak di-adakan perubahan sa-rupa ini, itu-lah dapat di-kata dan di-kecham sharikat kerjasama tidak mendatangkan guna kerana di-ikat oleh Undang² Tambahan² Peratoran yang di-buat oleh penjajah dahulu.

Tuan Pengerusi, sharikat kerjasama —saya telah katakan tadi—lahir-nya 40 tahun yang lalu, gerakan kerjasama di-tanah ayer kita ini, kita bangga kerana banyak kemajuan² yang telah di-chapai umpama-nya sa-buah Maktab Kerjasama telah di-dirikan di-Petaling Jaya. Sekarang telah di-ambil alih oleh Kerajaan. Dari Maktab inilah melahirkan nanti beberapa banyak guru², imam² kerjasama di-seluruh tanah ayer kita yang akan membangunkan semangat kerjasama, semangat gotong-royong yang memang di-anuti dan di-amalkan oleh sharikat kerjasama. Kerana itu, Tuan Pengerusi, saya sa-kali lagi menegaskan supaya dapat sokongan daripada pehak Kementerian berhubung dengan ranchangan² dan perkara² yang saya mengemukakan berhubung dengan hal Bank Kerjasama ini.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya suka berchakap, muka 101, Bahagian Perikanan. Yang Berhormat Menteri patut-lah kita beri pujian kerana bukan sahaja dalam bahagian pertanian dia mengambil berat, juga dalam perikanan. Saya berharap di-sabelah selatan, ia-itu Melaka patut-lah di-dirikan sa-buah Sekolah Perikanan kerana ini menjadikan satu daripada kesenangan kepada kaum nelayan yang hendak mencari makan kebanyakan-nya yang ada di-pantai² negeri Melaka. Negeri Melaka ia-lah sa-buah negeri walau pun boleh di-katakan agak silap kalau saya berkata

tertinggal, jadi saya berharap-lah mendapat perhatian daripada Yang Berhormat Menteri² bagi hendak memajukan Negeri Melaka ini banyak-lah ranchangan² di-bawa ka-Melaka.

Muka 106, Tuan Pengerusi, dalam perkara (f) Ranchangan Memuleh/Menanam Sa-mula Kelapa. Ini juga berharap Yang Berhormat Menteri dapat mengalehkan pandangan-nya ka-Melaka kerana di-Melaka juga banyak kebun² kelapa yang kami harap kebun kelapa ini akan mendatangkan hasil kerana minyak kelapa ini menjadi satu daripada makanan yang mustahak kepada bumiputra. Jadi, kalau Melaka ini di-adakan factory², atau lain², atau pun ranchangan memulakan kelapa ini di-letakkan di-Melaka, ini ada-lah menguntungkan kepada penduduk² dalam Negeri Melaka.

Akhir-nya, Tuan Pengerusi, pada muka surat 107. Pechahan-kepala 73—Pelajaran Kerjasama. Saya kena mengulang balek berhubung dengan kerjasama dalam bahagian pelajaran. Saya tahu saya peruntukan yang di-beri ini saya rasa tidak mencukupi dan kekurangan alatan yang di-utangkan kepada pelajaran kerjasama ini terutama sekali bahagian penerangan-nya, kalau tidak silap saya lori atau van penerangan satu Malaysia ini ada satu sahaja. Jadi, kalau orang Trengganu hendak, payah hendak dapat; lori ini berpusat di-Kuala Lumpur. Jadi, saya harap apa chara hendak memajukan pelajaran kerjasama ini satu daripada-nya ia-lah penerangan. Dahulu telah saya laongkan ia-itu di-minta-lah kapada tiap² negeri sa-kurang²-nya satu van penerangan untuk di-tayangkan wayang² gambar hal kerjasama supaya ra'ayat terutama sekali di-luar bandar dapat mempelajari baik-nya kerjasama dan ini menolong juga apa yang di-laongkan oleh Timbalan Perdana Menteri kita, ia-itu suroh ra'ayat bergotong-royong kerana dasar kerjasama satu daripada-nya ia-lah gotong-royong. Terima kaseh.

Tuan Ramli bin Omar (Krian Darat): Tuan Pengerusi, berchakap saya dalam peruntukan Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama di-

dalam muka surat 104, Pechahan-kepala 20—Latehan dan Perkembangan. Tuan Pengerusi, saya telah beberapa kali mendengar ucapan daripada Yang Berhormat Menteri di-dalam Dewan ini, atau di-luar Dewan, ia-itu hendak membanyakkan bahan² makanan untuk mencukupi makanan, perkataan yang lain mempelbagaikan pertanian. Ini ada-lah satu usaha yang saya fikir menggalakkan. Chuma yang saya hendak menyatakan bahawa di-dalam daerah Krian kawasan bendang ada-lah sa-luas 65,000 ekar. Hendak menyesuaikan dengan ucapan Yang Berhormat Menteri itu elok-lah 65,000 ekar ini di-tanam dua kali sa-tahun, tetapi hari ini hanya 30,000 ekar sahaja dapat di-tanam dua kali sa-tahun. Ra'ayat yang dudok di-kawasan itu 170,000 orang sangat-lah berhajat dan harap kepada Yang Berhormat Menteri mengumumkan dalam Dewan ini, ia-itu satu matalamat bagi menetapkan yang baki 35,000 ekar ini bila-kah masa-nya dapat petani² itu menanam dua kali sa-tahun.

Tuan Pengerusi, beraleh saya perkara yang kedua ia-itu dalam muka surat 111, Pechahan-kepala 128—Pennyiasat Tanah dan Peta. Ini satu perkara yang saya suka menyatakan bahawa kawasan kita ini banyak tanah dan pada masa persidangan yang dahulu saya ada menyatakan pada Yang Berhormat Menteri baik di-pejabat atau dalam Dewan ini supaya kawasan² tanah, baik kawasan tanah yang telah di-usahakan, atau yang belum di-usahakan, di-jadikan dusun²; oleh itu saya mengeshorkan supaya Yang Berhormat Menteri memusatkan kawasan pertanian yang mana kawasan 4,500 ekar di-tanam dengan jagong di-adakan kawasan perkumpulan dan di-tanam dengan ubi kayu dan lain² tanaman yang memberi faedah kepada ra'ayat.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, muka surat 99, Pechahan-kepala 1, Butiran (477)—Ketua Pegawai Penyelidik. Ini juga saya fikir elok-lah Pegawai Penyelidik yang mana kita hari ini dapat tanam dua kali sa-tahun, ia-itu benih padi dan benih² yang lain, menyelidik bahan², benih² umpama-nya sa-bagai mana saya chontohkan di-sini padi

dalam satu ekar kita dapat 700 gantang. Kalau Pegawai Penyelidik ini menyelidik mendapatkan umpama benih padi yang boleh menghasilkan sa-ribu gantang pada satu ekar.

Tuan Pengerusi, saya ada lagi satu ia-itu Pechahan-kepala 71—Belanja bagi Pelateh² bagi Pelajaran Haiwan dan Ternakan, muka surat 107. Kita sunggoh gembira kerana di-negara kita maseh ada banyak lagi tanah² yang lapang yang boleh di-usahakan untuk menternak. Sekarang kita ada membuat pilot project bagi memenoh masa pemuda² yang menganggor saperti membuat ladang. Jadi, saya harap dalam lathan menternak ini pun dapat Kerajaan memajukan dan memberikan kepada pemuda² yang menganggor ini, terutama sekali yang chenderong dan yang ingin hidup masa hadapan yang berperasaan hendak hidup di-atas kaki-nya sendiri saperti di-dalam latehan men ernak ayam-itek untuk mendapatkan hasil. Pekerjaan menternak ini, Tuan Pengerusi, juga boleh menampong penganggoran di-luar bandar sa-lain daripada berladang. Oleh itu dalam masa ka-hadapan ini Kerajaan hendak-lah mengusahakan bersunggoh² atas latehan ini kepada belia² yang di-luar bandar, banyakkan lagi peruntukan dan banyakkan lagi kursus² latehan. Biar-lah latehan ini di-lebeuhkan kepada pemuda² di-luar bandar.

Tuan Pengerusi, sa-sudah mereka tamat kursus latehan menternak ini hendak-lah di-beri kemudahan untuk permulaan hidup-nya supaya dapat mereka itu menjalankan pendapatan² latehan. Mithal-nya, pemuda² yang telah di-lateh di-dalam ternakan ayam hendak-lah Kerajaan memawahkan, katakan-lah 200 anak ayam serta kemudahan² yang lain dengan di-awasi oleh Jabatan Haiwan Tempatan sahingga berjaya ranchangan itu. Satu lagi dalam menjayakan latehan ternakan kepada pemuda² ini jangan-lah di-tekan sangat ka-atas masaalah pelajaran mereka kerana kita pun sedia ma'alum pemuda² di-luar bandar bukan-lah banyak lulus darjah tinggi.

Yang akhir, Tuan Pengerusi, saya suka berchakap dalam Pechahan-kepala 67—Bayaran Pawah Kerbau dan Lembu, muka surat 107. Berhumbang dengan pawah yang telah di-lancharkan oleh Kerajaan dalam masa² yang telah lalu ada-lah satu²-nya ranchangan Kerajaan yang sangat me ggalakkan dan sangat di-minati oleh petani² dan ra'ayat jelata di-luar bandar. Saya harap ranchangan pawah kerbau dan lembu ini kalau dapat biar-lah jangan sa-orang sa-ekor dan hendak-lah memikirkan-nya lebeh perektitikal lagi ia-itu dengan memberi sa-chara kumpulan² kepada satu² kumpulan, mithal-nya kepada persatuan peladang atau apa² persatuan atau yang memberatkan soal pertanian. Di-dalam pada itu saya suka mengshorkan kepada Yang Berhormat Menteri atau Kerajaan juga berikhtiar memberi kepada pemuda² yang di-anjorkan oleh Kerajaan yang sedang berlada g sekarang dengan sa-chara berkunipul, kalau dapat mereka memelihara binatang² yang di-pawah itu sa-chara besar²an atau chara menuju ka-arah ekonomi negara juga. Kalau sa-kiranya maseh di-teruskan sa-orang sa-ekor ini maka kemajuan-nya kita akan dapati melihat-nya lambah sangat. Jadi kalau hendak di-beri biar-lah kita boleh dapat menunjokkan chontoh tauladan dan lagi sekarang banyak petani² yang mengerjakan sawah tidak lama lagi akan berkurangan kerja dengan kerana menggunakan mesin jentera yang moden. Oleh itu hendak-lah kita alirkan masa yang banyak itu dengan sa-chara memelihara kerbau dan lembu ini, tetapi biar-lah di-beri sa-chara besar²an kepada kumpulan² itu. Sekian, terima kaseh.

Dr Mohamed bin Taib (Kuantan): Tuan Pengerusi, saya mohon izin berchakap dalam Kepala B. 10, Bahagian Perikanan. Di-dalam bidang Kerajaan kita meninggikan taraf hidup ra'ayat di-negeri ini, maka beberapa kesenangan dan pertolongan² hendak-lah di-adakan. Sa-bagaimana yang di-ketahui bahawa kebanyakan daripada nelayan² kita di-Pantai Timor ada-lah di-dalam keadaan kesusahan, kerana usaha dan tenaga-nya tidak mendatangkan pendapatan yang chukup untuk keperluan

sa-hari² oleh kerana beberapa sebab. Yang pertama ia-lah kerana kekurangan alat² dan yang kedua ia-lah harga tangkapan-nya ia-lah murah daripada yang sa-patut-nya. Kedua² perkara ini, Tuan Pengerusi, ia-lah di-sebabkan mereka itu sa-mata² bergantung kepada orang tengah. Motobot² dan pukat²-nya kepunyaan orang tengah dan harga ikan-nya pun terpulang-lah kepada kasehan belas orang tengah. Jika di-biarkan kepada mereka itu sahaja maka keadaan yang dahshat ini akan berkekalan sa-lama²-nya. Kementerian yang berkenaan sa-patut-nya-lah mengambil berat di-atas perkara ini. Pertolongan sa-chara besar²an hendaklah di-berikan ia-itu seperti yang di-berikan kepada peserta² F.L.D.A.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan kemajuan kerjasama. Di-sini sa-lain daripada memberi pertolongan yang saya katakan tadi Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama hendaklah juga menggalakkan penubuhan sharikat kerjasama di-kalangan nelayan² ini. Orang² atau pehak² yang rendah pendapatan-nya sangat² bergantung kepada sharikat kerjasama. Saya tahu banyak sharikat² kerjasama telah di-adakan tetapi sa-tengah²-nya tidak maju atau pun mati sama sekali. Tetapi salah-nya ia-lah ahli²-nya tidak mendapat pimpinan dan sokongan yang sempurna daripada bijak pandai kita kerana kita hanya melihat dari jauh sahaja. Tuan Pengerusi, kita ketahui bahawa sharikat kerjasama sangat² maju di-negera² lain seperti di-Canada, Denmark dan lain² juga, di-negeri² ini ramai bijak pandai-nya menolong sharikat² atau ahli² ini, sebab itu-lah maju. Satu sebab lain yang menjadikan sharikat ini mundur atau mati ia-itu ia-lah berkenaan dengan *mentality* orang² atau ahli² sharikat ini. Sekarang kita selalu mendengar Yang Berhormat Menteri Penerangan dan Penyiaran berchakap berkenaan dengan revolusi mental dan di-harapkan dengan revolusi mental ini-lah sharikat kerjasama akan bertambah maju.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Bahagian Haiwan. Di-Pahang banyak kerbau dan lembu kepunyaan orang² kampong yang terbiar sahaja merayau

di-merata² tempat dengan tiada kawalan. Ini ada-lah merugikan kerana banyak juga di-tempoh oleh kereta dan mendapat beberapa chedera dan kadang² ini ada-lah menjadikan puncha pergadohan. Alang-kah baik-nya atau elok-nya jika Kementerian yang berkenaan memberi satu sekim atau sharikat supaya dengan jalan ini kerbau dan lembu ini boleh di-kumpulkan di-satu tempat, atau kawasan yang besar di-mana satu perusahaan boleh di-adakan seperti mengeluarkan susu, belulang dan baja dan tandok²-nya pula boleh di-jadikan bahan cottage industry.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Parit dan Taliayer pula, saya ketahui ada tempat-nya di-Pahang sana di-mana taliayer tidak mendatangkan faedah yang sa-patut-nya. Di-musim panas parit² yang ada itu tidak berayr oleh kerana tanah-nya tidak boleh menahan ayer, jadi dengan sebab itu tentu-lah tiada boleh mengadakan tanaman padi dua kali sa-tahun. Ini ada-lah membadzir. Di-harapkan di-masa hadapan penyiasatan hendaklah di-adakan sa-belum satu² projek yang besar di-negeri ini di-jalankan.

Tuan Pengerusi, sekian, terima kaseh.

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Tuan Pengerusi, saya suka hendak menyentuh satu dua perkara sahaja dalam perbincangan peruntukan dalam Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama ini dan saya menyatakan terlebih dahulu bahawa saya menyokong yang di-minta oleh Kementerian ini.

Tuan Pengerusi, pertama saya hendak sentoh tentang Jabatan Pertanian muka surat 83. Perkara yang besar bagi negara kita Malaysia ini bukan-lah soal naik ka-bulan, atau naik ka-angkasa lepas, tetapi soal di-bumi, soal tanah dan soal mengusahakan tanah. Dengan sebab itu pertanian merupakan satu masaalah yang besar sekali dalam pembangunan negara kita ini.

Pada suatu masa yang lalu sa-tahun atau dua tahun yang lalu telah ada suatu perchubaaan yang baik bagi memajukan pertanian ini yang di-jalankan

di-Melaka ia-itu perhubungan mengadakan bersawah sa-chara berkumpul (Collective Farming) dan saya rasa ini-lah satu chara yang sangat baik bagi mencapai hasil yang paling besar daripada berladang sawah dan tanah² pertanian kita. Saya rasa adalah sangat baik bagi pehak Jabatan Pertanian dan Kementerian ini supaya dapat di-chari jalan usaha bagi meluaskan usaha mengadakan ladang sa-chara berkumpul ini bukan sahaja sa-buah atau dua buah tempat tetapi di-seluruh negara kita ini dan saya perchaya dengan chara mengadakan ladang chara berkumpul ini maka hasil yang lebeh baik daripada sekarang ini akan kita dapati tanah² tanaman di-seluruh negara kita ini baik dari bahagian sawah atau tanaman² yang lain.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, ia-lah saya suka hendak mendapat sedikit penjelasan tentang penubohan Persatuan Nelayan². Kerana menurut Undang² Persatuan Peladang yang telah di-luluskan sa-tahun lebeh yang lalu telah di-nyatakan di-dalam Undang² itu bahawa Persatuan Nelayan juga boleh di-tubuhkan menurut syarat² yang terkandung di-dalam penubohan Persatuan Peladang ini. Pada masa ini, Tuan Pengerusi, sangat-lah perlu penubohan Persatuan Nelayan² ini di-lancarkan dengan sa-berapa segera supaya sesuai dengan usaha yang di-jalankan oleh FAMA yang juga dudok di-bawah Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama dalam usaha menjalankan pemasaran ikan. Dengan ada-nya Persatuan Nelayan² yang dapat menyatukan kaum nelayan di-tempat² di-mana kaum nelayan itu berada, maka dapatlah di-salurkan segala apa sahaja kehendak² yang baik kepada nelayan dan pehak nelayan pula boleh menyalurkan segala hasrat mereka itu melalui Persatuan Nelayan itu yang di-tubuhkan menurut peratoran Persatuan² Peladang.

Jikalau pehak FAMA sedang berjalan dengan lancar bagi menjalankan usaha pemasaran ikan sedang di-pehak nelayan² sendiri tidak di-jalankan usaha bagi menubuhkan Persatuan² Nelayan, dengan syarat Undang² yang telah di-luluskan pada tahun yang lepas, maka tidak ada persesuaian dan pe-

nyelarasan usaha yang di-jalankan oleh pehak Kementerian ini dalam soal membela nasib nelayan².

Tuan Pengerusi, saya suka hendak menyatakan ia-itu baharu² ini terdengar, tersiar berita bahawa ada sa-tengah² gulungan kechil kaum nelayan² telah di-kelirukan dan di-tipu oleh agent² daripada gergasi² besar, atau jerong² besar daripada orang² tengah dan pemborong² ikan yang telah menghantar agent² mereka untuk menarek sokongan kaum nelayan ini kepada usaha mereka untuk membangkang dengan keras akan usaha FAMA hendak menjalankan ranchangan pemasaran ikan yang baharu, maka sa-bilangan kechil daripada nelayan² itu telah tertipu dengan daayah² agent² gergasi² pemborong ikan yang besar itu, tetapi sa-telah di-terangkan sa-mula kepada nelayan² itu akan keliruan-nya pengertian mereka itu, baharu pada masa ini seluruh nelayan Pantai Timor dan khusus-nya nelayan dalam kawasan saya sendiri menyokong penoh dengan tidak berbelah bagi lagi akan ranchangan FAMA untuk menjalankan pemasaran ikan yang baharu. Ini suatu chontoh, Tuan Pengerusi, tentang bagaimana nelayan itu dapat di-perkotak-katekan oleh pehak² yang bertujuan tertentu dengan tidak tertubuhnya Persatuan Nelayan yang telah diranchangkan penubohan-nya itu semenjak beberapa lama ini.

Kemudian saya berasa bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat dari Kuantan sekejap tadi tentang keadaan Sharikat² Kerjasama Nelayan yang ada di-tubuhkan. Jadi sa-hingga pada masa ini barangkali sa-bilangan daripada Sharikat² Kerjasama Nelayan² yang akan di-tubuhkan itu dengan bantuan kewangan daripada Kementerian ini tidak begitu lancar perjalanannya dan saya rasa perkara yang besar bagi kejayaan Sharikat Kerjasama Nelayan ia-itu suatu usaha yang baik untuk memimpin, membimbing dan memajukan nelayan² itu dalam kehidupan mereka. Bahagian yang besar bagi memajukan sharikat² ini tergantung kepada pimpinan dan bimbingan yang di-beri oleh pegawai² daripada Jabatan Kemajuan Kerjasama.

Saya merasa, Tuan Pengerusi, berchakap tentang Bahagian Kemajuan Kerjasama di-Kementerian ini walau pun sekarang ini sudah di-katakan di-jalankan penyusunan sa-mula tetapi saya merasa bahawa Bahagian Kemajuan Kerjasama dalam Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama ini perlu di-revolusi mentalkan sa-hingga mereka dapat menjalankan tugas yang besar yang ada tertanggung di-atas mereka bagi memimpin pembenaan masharakat orang² di-luar bandar menerusi sharikat² kerjasama.

Saya merasa memang banyak perkara yang dapat di-jalankan oleh pehak Bahagian Kemajuan Kerjasama di-Kementerian ini walau pun mereka telah berjalan agak baik, tetapi saya ingat banyak lagi perkara yang dapat di-jalankan jikalau mereka itu di-revolusi mentalkan betul² dan menjalankan tugas² dengan sa-penoh-nya untuk memimpin kegiatan sharikat kerjasama bagi pembangunan penduduk² di-luar bandar.

Perkara yang lain yang saya telah sebutkan, Tuan Pengerusi, ia-lah mengenai dengan buah²an dan saya rasa usaha Kementerian ini dalam memajukan penanaman buah²an tempatan adalah satu usaha yang baik dan saya suka menyebutkan salah satu daripada-nya ia-lah tanaman buah²an tempatan yang maju dan meluas penanaman-nya sekarang ini ia-lah penanaman buah limau, terutama sekali di-negeri tempat saya sendiri, di-negeri Trengganu dan di-Trengganu sekarang ini penanaman pokok² buah limau ini meluas di-serata tempat dan Negeri Trengganu sekarang ini boleh di-gelarkan dengan satu nama baharu ia-itu Negeri Buah Limau, kerana pada masa dua bulan yang lalu, oleh kerana terlalu banyak buah² limau ini di-tanam dan keluar ka-pasar sa-hingga tidak ada tempat, tiada pasaran-nya langsung dan jatuh harga-nya sampai \$3.00 atau \$4.00 sa-pikul.

Sa-pikul ini, Tuan Pengerusi, ada 600 atau 700 biji dan saya rasa buah limau yang di-tanam di-Pantai Timor, di-Trengganu khas-nya pada masa ini telah mencapai mutu yang sangat baik. Manis-nya, elok buah-nya dan

saya rasa kalau tidak sama dengan buah limau yang datang daripada negeri China akan mencapai taraf itu dan saya rasa memang buah limau yang di-tanam di-Trengganu pada masa ini lebih baik daripada limau yang datang dari Jaffa, yang saya tengok ada di-jual di-Singapura, ia-itu limau daripada Israel yang di-jual di-Singapura, jauh lebih baik daripada limau itu. Jadi tidak-kah pehak Kementerian ini atau pehak FAMA sendiri memikirkan pada masa ini chara² hendak memasarkan buah² limau ini dan mengexportkannya ka-luar negeri sa-bagai yang di-jalankan oleh negeri² lain yang mengeluarkan hasil limau yang banyak. Saya kasehankan orang² terutama dalam kawasan saya, Tuan Pengerusi, yang menanam limau begitu banyak, datang-lah hujan satu hari atau dua hari, terpaksa di-ambil semua buah² walau pun separoh masak supaya tidak rosak dan di-jual melambak², bertimbun² di-pasar dengan harga \$2.00, \$3.00 sa-ratus—tidak padan dengan peloh yang di-keluarkan oleh penanam² itu bagi mendapatkan buah² itu. Jadi soal pemasaran buah² yang sangat maju di-tanam di-negeri kita sekarang ini, buah² tempatan seperti limau ini satu perkara yang harus dan perlu di-ambil perhatian terutama oleh Bahagian Pertanian Kementerian ini dan oleh FAMA supaya dapat di-chari saloran² bagi menjual dan memasarkan buah ini di-dalam negeri dan juga di-luar negeri. Saya rasa kalau di-proseskan buah² limau ini, dengan di-buat chara process yang baik sa-hingga tahan sa-minggu atau dua minggu atau sa-bulan, bolehlah di-hantar dan di-export buah² limau yang elok dan manis ini ka-luar negeri bagi menjadi satu puncha hasil yang baik dan supaya menjamin harga yang sesuai bagi penanam² limau.

Tuan Pengerusi, sa-lain daripada ini saya agak terkejut sedikit tadi mendengar sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Melaka Selatan dalam ucapan-nya telah meminta supaya Kementerian ini membatalkan ranchangan hendak menubuhkan Bank Pertanian, supaya kata-nya hidup-lah Bank Sharikat Kerjasama. Rakan sahabat yang baik daripada Melaka Selatan ini berchakap mempertahankan Bank

Kerjasama sa-hingga meminta di-batalkan pelancharan Bank Pertanian ini, kerana beliau menjadi sa-orang pegawai yang terlibat dengan begitu dalam soal Bank Kerjasama, tetapi berchakap dalam soal Bank Pertanian atau Bank Kerjasama bukan soal sama-ada bank kita atau bank lain itu maju, tetapi soal hendak menchari jalan bagi memajukan bumiputra dan juga penanam² padi khusus-nya dan keputusan yang di-berikan sa-panjang yang saya tahu Bank Pertanian ini ada-lah satu perkara yang di-putuskan oleh Kongress Ekonomi Bumiputra yang kedua dan pehak Kerajaan telah mendukung ranchangan ini sa-mata² melaksanakan hasrat yang telah di-lahirkan oleh Kongress Ekonomi Bumiputra yang kedua yang berlangsung di-Kuala Lumpur pada tahun lepas. Jadi saya rasa tidak ada apa salah-nya bagi Bank Bumiputra berjalan di-samping itu di-dirikan Bank Pertanian untuk memberi pinjaman khusus, terutama sekali bagi ahli² penanam padi yang banyak di-mana² tempat kawasan padi yang banyak di-tanah ayer kita ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Saya suka hendak mengingatkan kepada Ahli² Yang Berhormat, masa sudah suntok. Sa-patut-nya pada masa satu hari kita mahu selesaikan enam kepala, sekarang baharu satu kepala pada hari yang kedua. Saya takut bila tiba pada kepala² yang mustahak nanti Ahli² tidak ada masa hendak berbath. Itu sahaja.

Dato' Haji Hussein bin Mohd. Noordin (Parit): Tuan Pengerusi, saya berchakap di-atas Kepala Bekalan 10, Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama, Bahagian Parit dan Taliayer, ia-itu berkenaan dengan tujuan Kementerian ini, terutama sekali Jabatan Pertanian ia-itu hendak mengeluarkan padi, atau beras yang banyak supaya satu hari kelak negara kita ini akan mendapat export beras kepada negeri² yang lain dan juga di-masa ini juga kita dengar pehak Jabatan Pertanian telah mengeluarkan bermacam² jenis padi untuk maksud yang saya sebut tadi dan juga saya dapati ra'ayat terutama sekali ra'ayat petani di-seluruh negara kita ini ada-lah menyambut

baik di-atas usaha Kerajaan untuk menambahkan pendapatan meroka dan juga maksud yang baik supaya satu hari kelak negara kita ini akan mengeluarkan padi dan mengexport padi atau beras kepada negara yang lain dan ini akan memberi jaminan kepada petani² supaya pendapatan-nya akan bertambah².

Tetapi, Tuan Pengerusi, apa yang saya hendak berchakap di-sini ia-lah langkah yang di-jalankan oleh Jabatan Pertanian ini, saya fikir tidak-lah luas, sebab kebanyakan ra'ayat sunggoh pun mendengar berkenaan dengan langkah² dan usaha Kerajaan, tetapi ada juga banyak petani² tidak memahami bagaimana jenis² padi seperti Mahsuri, Malinja dan juga jenis yang baharu—padi Ria. Jadi saya terpaksa bawa perkara ini mengenai kawasan saya, ia-itu ada suatu ranchangan yang besar di-namakan ranchangan Trans-Perak Parit dan Taliayer yang telah membuka sawah dan bendang² baharu beribu² ekar dan dengan ada-nya Kerajaan berseru kepada petani² ini menanam dua kali sa-tahun, maka kawasan saya ini mengambil kesempatan menanam dua kali sa-tahun, tetapi dukachita-nya pada tahun ini kali yang kedua, yang di-tanam, hasil tidak dapat memuaskan, oleh hampir² padi tidak menjadi di-dalam kawasan saya.

Ini ia-lah oleh sebab kurang memberi penerangan yang sa-luas-nya tentang menanam jenis padi baharu, boleh jadi juga pehak yang berkenaan ia-itu Jura-tera Parit dan Taliayer tidak mahu bekerjasama dengan penanam² padi. Saya dapat tahu baharu² ini ada sa-orang pegawai yang sudah bertugas berkenaan dengan hal ini, menanam padi baharu dan juga menanam dua kali sa-tahun yang telah di-datangkan ka-kawasan saya baharu² dia tukar tidak memberi kerjasama di-antara pegawai² yang di-bawah-nya, sebab pegawai² bawah ini sudah memahami keadaan tanah dan juga macham mana hendak kontrol ayer di-dalam parit dan taliayer. Jadi dengan sebab ada salah faham di-antara pegawai rendah dengan pegawai tinggi sebab pegawai rendah yang dudok lama di-sana telah memberi nasihat kepada pegawai yang

tertinggi, sebab pegawai tertinggi barangkali tak memahami kedudukan menanam padi di-tempat itu, tidak mahu menerima nasihat daripada pegawai² rendah, tetapi dia menjalankan mengikut gaya-nya sendiri sahaja, maka sebab itu-lah padi yang kedua tahun ini tidak mendapat hasil, hampir² yang dapat merasa ia-lah hampas daripada padi yang di-tanam itu.

Jadi saya membawa perkara ini, dan saya juga ada berchakap dengan Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan perkara ini, jadi barangkali dia pun telah ambil tindakan atau tidak, maka saya hendak memberi tahu Dewan ini sa-kali lagi saya memberi peringatan kepada Menteri yang berkenaan supaya menyiasat hal ini supaya jangan petani² itu pula merajok tak hendak menanam padi dua kali sa-tahun. Dan juga dalam usaha kita hendak membuka sawah baharu dan juga supaya menggalakkan petani² berusaha mengeluarkan padi yang banyak di-sini juga dalam kawasan saya ada 700 ekar tanah yang terbiar sahaja. Tanah ini, Tuan Pengerusi, ia-lah saya sebutkan 700 ekar tanah ini di-dalam Mukim Lambor Kiri. Tanah ini sa-belum banjir telah mendapat antara 400 dengan 600 gantang satu ekar, tetapi tanah ini dipunya² oleh orang² kampung di-situ, ada yang ada satu ekar, ada yang tiga ekar, maka tanah ini bukan-lah bendang baharu, tetapi bendang lama (tua). Oleh sebab banjir selalu terjadi dalam kawasan ini dan tanah ini selalu ditenggelami oleh ayer, maka tanah ini telah terbiar sahaja. Sunggoh pun ada ranchangan Kerajaan berkenaan dengan parit-memarit dalam Ranchangan Trans-Perak, tetapi kawasan ini tidak-lah masok di-dalam Ranchangan ini, maka sudah lima tahun penduduk² di-situ yang ramai dalam satu mukim sebab tidak dapat merasa bendang baharu Trans-Perak belum lagi tiba di-perengkat yang ketiga, maka mereka itu berasa kesusahan hendak menanam padi, tambahan pula mereka ketahu² Kementerian ini ada ranchangan Kerajaan hendak menggalakkan petani² menanam dua kali sa-tahun, maka ternanti²-lah mereka itu supaya mendapat pertolongan daripada Drainage and Irrigation Department supaya

membuat satu ranchangan bagaimana mendapatkan ayer untuk menanam padi di-kawasan 700 ekar itu. Perkara ini pun telah di-bawa kepada Jabatan Parit dan Taliayer dan ada perjumpaan telah di-anjorkan oleh petani² dan di-undang pegawai yang berkenaan di-minta datang di-situ untuk memberi keterangan, dan mendapatkan keterangan sebab² tanah ini tidak dapat di-tanam padi. Tetapi pegawai itu tidak tiba, Tuan Pengerusi. Jadi ini-lah yang saya bawa perkara ini di-Dewan ini. Yang mana saya dapat tahu perasaan dukachita oleh petani² dalam kawasan saya itu dan juga baharu² ini pegawai yang berkenaan ini pun ada memberi arahan kepada petani² dalam sub-district Parit ia-itu mesti menanam padi mengikut arahan dia, ia-itu bulan April baharu boleh di-tanam padi. Tetapi belum lagi di-siasat ada-kah boleh di-dalam kawasan itu menanam padi dalam bulan April, tetapi biasanya kawasan itu mula menanam padi ia-lah dalam bulan Januari. Jadi adalah pertelingkahan, daripada penanam² padi dan juga pegawai yang berkenaan. Ini tidak-lah membawa satu keberchayaan kepada petani² kepada Jabatan Pertanian dan sini-lah saya hendak shorkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya kita banyakkkan pegawai² rendah ia-itu pegawai penerangan supaya mendidek dan mengajari kepada petani² dan penanam² padi supaya menanam padi yang sa-betul²-nya mengikut teknik yang ada, teknik berkenaan dengan Mahsuri, atau pun berkenaan dengan Ria mesti ada teknik berapa lama hendak pakai ayer, berapa tinggi-nya ayer itu pula dan berapa lama, berapa banyak baja hendak di-gunakan, ini orang kampung tak tahu, Tuan Pengerusi. Mereka tak tahu, jikalau di-beri benih sahaja, jikalau dia tak tahu teknik, bagaimana dia hendak menanam padi dengan sempurna-nya sa-bagaimana yang kita dengar boleh mendapat sampai 800 gantang sa-ekar. Dengar sahaja, bila di-chuba tidak berjaya.

Saya juga mendapat tahu ada usaha dari Jurutera Parit dan Taliayer di-kawasan saya yang memberi cheramah berkenaan perkara ini, tetapi cheramah

yang di-berikan ini cheramah black-market. Tuan Pengerusi, tahu black-market, ia-itu ada orang yang di-kaseh sayang, boleh saya kata orang yang menentang Kerajaan, orang yang menentang Kerajaan dia beri cheramah, orang yang menyokong Kerajaan, walau pun di-minta dia memberi cheramah, dia tidak berbuat demikian berkenaan dengan hal ini. Ini kita tak boleh bersikap macham ini. Ini ada satu tuduhan yang kuat kapada pegawai yang berkenaan itu. Saya boleh membuktikan penyata² ini dengan mengumpulkan orang² yang telah ta' puas hati bukan-nya sa-ribu, bahkan seluroh kawasan Trans-Parit tidak puas hati berkenaan hal ini.

Jadi saya minta-lah Yang Berhormat Menteri supaya menyasiasat hal ini supaya jangan di-salah gunakan kuasa pegawai yang berkenaan dan di-sini mungkin, Tuan Pengerusi, ini ada-lah masalah politik di-dalam hal ini supaya kawasan yang mengeluarkan padi yang banyak supaya gagal di-atas ranchangan Kerajaan yang kita berasa bangga hari ini. Terima kaseh.

Tuan T. Mahima Singh (Port Dickson): *(dengan izin)* Mr Chairman, Sir, first of all, I would like to compliment the Ministry for having been able to make such great progress, particularly when we are faced with competition from synthetic rubber and the economy of our country will have to rely more and more on other products. By doing research in this particular Ministry, we should be able to improve our economy very greatly.

I am particularly pleased to read, Sir, in the Budget Summary page 72, paragraph 2 about Market Research and Promotion. I had spoken several times, Sir, that Malaysia produces a large variety of fruits which are as good as any fruits produced by any other country and yet it was unfortunate to have a "carry over" from the Colonial period, where we were asked to think that the imported fruits were better than the fruits of Malaya. It is very encouraging to note that the Ministry is taking all the trouble to teach Malaysians to eat more Malaysian fruits, and I am sure this will encourage a large

number of farmers to plant more durians, mangosteens, langsat and other varieties of fruits. But there is one point, Sir, on which my colleague from Kuala Trengganu Utara has spoken—the marketing of these fruits. He has spoken about his constituency. I have also seen in Negri Sembilan, Mr Chairman, Sir, that during the last fruit season many of the farmers were not able to sell their fruits. The kampung folks are not trained in the way of selling their fruits. A small farmer is not in a position to hire lorries or trucks and bring them to the market. I do hope that some research will be done into the marketing of fruits. I notice here that research is being done into almost every other product—rice, coffee, tapioca, fish, pepper—and I hope the next item that will receive the attention of the Minister will be the marketing of fruits. I realise that this is a bit more difficult because fruit is a seasonal product. It does not happen all year round. But I am sure the "brains" in the Ministry will be able to find a way because this particular item does not concern one particular section of our community; it is something that is common all over Malaya.

The second item, Mr Chairman, Sir, that I would like to speak on is on page 94, item (348), Commissioner of Co-operatives. I had difficulty when the fishermen in my constituency wanted to form a co-operative society. According to my information, Sir, it was found that they had to join up with the agricultural co-operative societies. Now, the agricultural co-operative societies, Sir, cater for farmers, which are entirely different from the fishing industry. The fishermen do their fishing in the sea; the agriculturists do their work on the land. I hope the Ministry will be able to throw some light on the subject and give a guidance to the Port Dickson fishermen, so that they will be able to form their own co-operative society. As you are aware, Sir, Port Dickson is a coastal area and there are thousands of fishermen there. At present we do have a Fishery Officer, who can give a certain amount of guidance, but I do appeal to the Principal of the Fisheries School so that if possible he might be

able to open a section there or have some seminars to be able to teach the fishermen how they would be able to *make bigger catches and get back their costs*.

Tuan Senawi bin Ismail (Seberang Selatan): Tuan Pengerusi, saya permohonan izin memberikan pendapat² saya ia-itu berkenaan dengan B.10, muka 85, Butiran (165)—Pembantu Pertanian Rendah.

Tuan Pengerusi, sa-bagaimana yang kita ketahui ia-itu di-dalam bidang pertanian ini ra'ayat terutama sekali penanam² padi dan juga peladang² dan pekebun² buahan², bergantung dan berkehendakkan nasihat² terutama sekali daripada pegawai² yang bertanggung-jawab. Saya memandang bahawa pegawai Pembantu Pertanian Rendah ini kerja² mereka, Tuan Pengerusi, yang saya tahu, sangat-lah kita berasa bangga kerana usaha² mereka itu di-dalam berbagai² bidang seperti mana yang saya sebutkan tadi, terutama sekali bagi kawasan penanam² padi. Beliau itu bekerja dengan bersungguh² tidak kira masa dan tidak kira siang atau pun malam, tetapi memandangkan keadaan kemajuan² yang pesat berkenaan dengan pertanian ini, kita bukan saharaunya berdiam bagitu sahaja, saya fikir patut-lah bagi pihak Kementerian ini menambah lagi Pegawai² Pertanian yang mana hari ini seperti yang saya katakan ada menjaga sa-banyak 3,000 ekar, ada-kah patut sa-orang sahaja Pembantu Pertanian. Ini sudah jadi tuduhan² daripada penanam² padi, Tuan Pengerusi, yang mengatakan mereka itu tidak bekerja dengan memuaskan.

Jadi saya shorkan kepada pihak Kementerian ini menambah lagi pegawai² yang tersebut supaya tuduhan² yang tidak bertanggung-jawab itu dapat kita hapuskan.

Berpaling saya pula, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Parit dan Taliayer, ia-itu muka 88. Parit dan Taliayer ialah satu seperti mana kita kata nyawa kepada penanam² padi, kalau tidak ada ayer, mereka tidak dapat bertanam padi. Jadi pada tahun yang lepas di-kawasan saya, terutama sekali pe-

nanaman² padi telah membuat dua kali sa-tahun dengan mendapat kejayaan yang besar dan akan mendapat peningkatan taraf hidup penanam² padi di-daerah itu. Tetapi malang-nya pada tahun ini, Tuan Pengerusi, dengan keadaan ayer yang tidak mencukupi maka sa-banyak 300 ekar tanah yang tidak dapat di-tanam, tetapi saya berikhtiar juga dengan usaha Pegawai² Taliayer yang terdiri daripada Perak dan terdiri dari kawasan saya di-Seberang Prai. Jadi dengan masaalah ini, Tuan Pengerusi, selalu berbangkit kerana Perak yang banyak tanaman padi manakala Perak tidak mahukan ayer itu baharu-lah boleh di-tolak ayer itu ka-Seberang Prai.

Jadi ini-lah yang mendukachitakan penanam² padi daerah Seberang Prai. Saya harap perkara yang sa-macham ini, Kementerian akan mengambil sedikit pandangan supaya jangan di-tudoh oleh penduduk² Seberang Prai, sa-bagai kata "di-anak tirikan", kerana ingin mereka seperti mana penanam² padi, berkehidupan mewah dan ingin untuk mencari jalan supaya taraf hidup mereka lebeh² lumayan daripada yang biasa.

Tuan Pengerusi, saya menyentoh berkenaan dengan sharikat kerjasama, ia-itu muka 94. Kita faham bagaimana sharikat kerjasama yang saya ketahui, ia-itu telah di-tubuhkan daripada penjajah dahulu yang kalau tidak salah ingatan saya daripada tahun 1922. Jadi perkembangan sharikat kerjasama bukan-lah sahaja di-bandar² tetapi di-kampong², keseluruhan-nya telah menubuhkan sharikat kerjasama yang mana ada sharikat kedai dan juga sharikat kampong dengan tanggungan tidak berhad, tetapi memandangkan keadaan hari ini di-mana kita difahamkan ada juga sharikat di-kampong² telah saya tahu hidup segan, mati tak mahu, tetapi sharikat² yang sedar dan ada pengetahuan yang mana sharikat itu telah dapat maju dengan sa-berapa pesat-nya. Ini akan menjadikan satu kemewahan bagi tiap² satu tempat yang ada mempunyai sharikat kampong dan juga saya ketahui bagaimana di-Seberang Prai ada jua kilang²

yang di-adakan sharikat ia-itu sa-banyak 30 buah kilang yang ada mempunyai sharikat² kilang² kechil ia-itu untuk membeli padi sa-chara modal yang sederhana dan dapat di-kilang, tetapi sharikat ini pada masa ini, Tuan Pengerusi, telah di-tekan oleh kaum² permodalan ia-itu orang tengah. Padi² mereka itu, beras² mereka itu tidak akan mendapat harga yang berpatutan jadi, di-sini saya harap-lah pehak Kementerian ini atau pun FAMA tolong-lah menyiasat di-atas ini mudahan² dengan jasa baik mereka itu sharikat ini akan dapat berjalan dengan sa-elok²-nya.

Pada akhir-nya, Tuan Pengerusi, saya berchakap berkenaan dengan binatang pawah. Saya telah dengar bagaimana yang telah di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Muar Dalam tadi. Jadi, pada tahun ini kita nampak peruntukan berkenaan dengan binatang pawah itu sudah menjadi kekurangan, jadi, kita perchaya kerana di-kampong² terutama sekali dalam gulongan² penanaman² padi yang mana hari ini telah menerima kerbau² pawah dan lembu² pawah dengan mengikut syarat² Kerajaan yang di-beri kepada mereka itu, tetapi dengan chukup-nya syarat mereka itu akan mendapat sa-ekor kerbau dan kerbau itu boleh menjadi kegunaan mereka untuk membajak sawah. Jadi, saya berharap-lah kepada Kementerian ini patut-lah ranchangan yang sa-macham ini di-galakkan supaya penanaman² padi akan mendapat kemewahan di-atas penternak dan juga dapat kesenangan kepada binatang yang di-pawahkan itu untuk membuat kerja² bagi mereka, tetapi, sa-bagaimana yang saya ketahui ia-itu ada juga orang² yang menerima binatang² pawah mengikut syarat-nya memelihara sa-lama dua tahun, kalau dapat kerbau betina atau lembu betina ia-itu yang betina itu beri balek kepada orang yang berpawah dan yang lain daripada itu di-beri balek kepada Kerajaan, manakala yang jantan pula, yang saya tahu apabila genap dua tahun maka di-pulangkan balek kepada Kerajaan menetapkan harga \$200; \$100 orang yang pawah, \$100 orang yang bela. Tetapi kalau-lah ranchangan Kerajaan Pusat orang yang dapat jan-

tan, jual kerbau itu sampai lima enam bulan tak dapat duit, manakala ditanya daripada Pegawai Haiwan tempatan dia kata telah di-hantar pergi Kuala Lumpur, tetapi malang-nya selalu pehak orang yang berkenaan itu tanya dan saya pun berusaha tanya, dia kata Kuala Lumpur tak menjawab. Jadi, ini-lah saya minta-lah Kementerian ini menyiasat perkara ini, kerana ma'alum-lah orang² yang miskin itu \$100 umpamakan lebeh berbangga saperti mana \$1,000. Sekian, Tuan Pengerusi, terima kaseh.

Tuan Ismail bin Idris (Pulau Pinang

Selatan): Tuan Pengerusi, saya meng-alu²kan dan menguchapkan terima kaseh kepada Kementerian ini yang telah pun berusaha dengan bersungguh² bagi mendapat kehasilan berkenaan dengan pertanian. Sa-bagai sa-buah negara yang berkehendakkan kepada hasil bumi, maka dapat-lah kita melihat kemajuan² yang telah di-chapai oleh Kementerian ini dan boleh-lah saya katakan kemajuan yang di-chapai itu ada-lah memuaskan dan patut-lah kita berasa shukur kepada Tuhan yang telah memberi nikmat kepada ra'ayat negeri ini.

Tuan Pengerusi, baharu² ini ia-itu dalam bulan September, tahun 1968, satu lagi kemajuan telah dapat di-chapai oleh Kementerian ini ia-lah dengan pembukaan rasmi oleh Yang Teramat Mulia Tunku sa-buah bangunan ia-itu bangunan aquarium di-Pulau Pinang. Bangunan ini di-penohkan dengan ikan² yang beranika warna, beranika rupa dan telah mendapat sambutan yang baik daripada ra'ayat negeri ini. Saya sangat² menguchapkan terima kaseh kepada usaha Yang Berhormat Menteri dan pegawai²-nya yang telah bersungguh² berusaha bagi mem-baiki dan memperelokkan kedudokan pembenaan aquarium ini. Saban hari kita dapati orang ramai mengunjongi tempat ini dan melihat bagaimana-kah elok-nya ikan² yang di-pamirkan di-dalam bangunan itu. Satu perkara aneh yang patut mendapat perhatian orang ramai ia-lah ikan² yang biasa-nya hidup di-dalam ayer laut atau ayer masin supaya dapat di-hidupkan di-dalam ayer tawar. Dan begitu juga kita dapati

ada ikan² yang di-hidupkan dengan alat electricity ini-lah yang mengharuskan orang ramai dan berduyun² mereka mengunjongi tempat tersebut. Saya memperlawakan Ahli² Yang Berhormat apakala melawat ka-Pulau Pinang chuba-lah melangkah ka-tempat itu untuk melihat bagaimana-kah keadaan ikan² di-situ supaya menjadi pandangan dan ingatan oleh Ahli² Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi, saya suka hendak beruchap sedikit di-dalam B.10, Pechahan-kepala 47, muka surat 106, ia-itu Ranchangan Menggalakkan Tanaman Kelapa. Kita maseh dapati, Tuan Pengerusi, banyak pokok² kelapa yang tua² yang maseh terbiar di-dalam kawasan² di-luar bandar terutama sekali yang mana tuan² punya kebun² kechil dan juga kita dapati hari ini harga kelapa telah pun meningkat tinggi kalau sabiji 15 sen tahun sudah, sekarang sudah meningkat 20 sen sa-biji. Maka oleh yang demikian saya rasa sudah menjadi kewajipan kepada Kementerian ini untuk memberi arahan kepada pegawai²-nya supaya berikhtiar membuat lawatan² ka-kampung² supaya dapat menasihatkan atau memberi sharahan² kepada orang² kampung chara² yang mudah untuk menanam sa-mula kelapa ini. Sa-lain daripada itu dalam soal kelapa juga, saya biasa mengunjongi Negeri Sabah dan saya dapati di-Negeri Sabah di-kawasan² pendalaman ada banyak pokok² kelapa yang tumbuh dan buah²-nya menghitam dan jatuh dan saya dapati pula buah² itu tidak pula di-kutip oleh tuan² punya kebun, boleh jadi harga kelapa di-Sabah sangat rendah dan sangat murah.

Maka oleh yang demikian bagi mengatasi soal ini saya mengeshorkan kepada Kementerian ini supaya dapat menyiasat dan sa-kira-nya perlu dapat membawa buah² kelapa daripada Sabah itu ka-Negeri² Malaysia Barat ini untuk di-jual, dengan ada-nya demikian harga kelapa di-negeri kita ini tentulah harga-nya murah sedikit daripada yang ada sekarang ini.

Sekarang saya datang kepada B.10, muka surat 84—Chawangan Penyelidek. Saya biasa memberi ucapan dalam Majlis ini berkenaan dengan tanah² yang di-penohi dengan pokok² yang

sudah tua, umpama-nya pokok² manggis, pokok² rambai dan pokok² yang tidak mendatangkan faedah dan keuntungan kepada tuan² tanah ini. Kalau kita melawat atau pun sa-kira-nya Tuan Pengerusi dapat melawat di-tempat², di-kampung² maka dapat-lah Tuan Pengerusi melihat pokok² sangat tua terutama sekali pokok² manggis, kebun² manggis yang hari ini pada pendapat saya tidak ada langsung berfaedah, tidak ada langsung mendatangkan hasil kepada tuan tanah ini. Tidakkah ada-nya satu ikhtiar bagi jabatan ini atau pun bagi Chawangan Penyelidek ini supaya menchari jalan sa-kira-nya pokok² manggis ini atau pokok² rambai ini yang sudah tua yang tidak mendatangkan hasil lagi dapat di-ubahkan tanaman-nya, atau pun dapat di-tebang pokok² ini dan di-gantikan dengan lain² tanaman, umpama-nya saya biasa melihat ada satu famili mempunyai hanya satu ekar tanah apakala di-tebang-nya pokok² ini di-gantikan dengan pokok² papaya. Dalam masa tujuh bulan sa-telah di-tanam pokok papaya ini maka pokok² papaya ini telah mendatangkan hasil yang banyak kepada tuan tanah itu. Ini satu chara boleh jadi ada lain² lagi pokok yang boleh mendatangkan hasil, maka oleh yang demikian saya berharap benar kepada Chawangan Penyelidek ini—kapada Pegawai² Bahagian Penyelidek ini berikhtiar dan menolong orang² kampung bagi menchari jalan bagaimana-kah mereka dapat membuat untuk mendapatkan hasil yang bertambah dalam soal ini.

Bagitu juga saya suka hendak menyatakan di-sini ada sa-jenis ikan di-Chawangan Penyelidek. Ada sa-jenis ikan—ikan kembong, apabila tangkapan-nya sangat banyak, maka harga ikan kembong ini tidak ada langsung kadang² hanya satu sen atau dua sen bagi sa-kati. Jadi, tidak-lah memuaskan bagi nelayan² yang pergi menangkap ikan ini. Ada kadang kala-nya ikan² ini hanya di-pungahkan—di-buangkan ka-dalam laut kerana tidak ada harga. Oleh yang demikian bagi mengelakkan perbuatan² yang sa-macam ini, saya perchaya tentu-lah Pegawai² Bahagian Penyelidek ini dapat berikhtiar apa

juga chara supaya ikan² ini tidak terbuang sahaja di-dalam laut oleh tangkapan yang begitu banyak. boleh jadi supaya ikan² ini dapat di-jual atau pun dapat di-jadikan apa juga chara ditin-kah dan sa-bagai-nya supaya harga ikan² ini dapat memuaskan.

Tuan Pengerusi, Bahagian Kemajuan Kerjasama muka surat 94. Saya nampak di-sini wang sa-banyak \$4 million ada-lah di-utangkan kepada bahagian ini. Ini ada-lah satu bahagian yang banyak dan saya rasa kerja² yang di-jalankan oleh Pegawai² Sharikat Kerjasama ini boleh-lah di-katakan memuaskan. Ada sa-buah sharikat kerjasama di-kawasan saya telah membeli sa-buah ladang yang berharga \$2 million dan pembelian ini ada-lah hasil daripada pinjaman daripada Kerajaan. Malang-nya hari ini pembayaran interest atau pembayaran faedah kepada pinjaman ini tidak dapat hendak di-jalankan oleh kerana hasil daripada tanah ini, atau pun pendapatan daripada tanah ini tidak menchukupi untuk hendak membayar faedah pinjaman ini. Dan dengan hal yang demikian ahli² sharikat kerjasama ini sedang serba salah, kerana mereka tidak dapat hendak membayar ansoran²-nya dan juga faedah²-nya. Mereka telah membuat rayuan kepada Kerajaan supaya bayaran interest atau pun bayaran faedah ini dapat di-tanggohkan sa-mula buat sementara waktu mudahan² apakala masa baik nanti maka mereka dapatlah membayar-nya. Apa yang saya minta hari ini atas nama ahli² sharikat kerjasama supaya Jabatan Sharikat Kerjasama ini dapat champor tangan di-dalam soal ini supaya dapat mengatasi kedudukan² yang maseh rumit yang ada sekarang ini.

Tuan Pengerusi, saya dengan ini berasa gembira kerana Menteri yang bertanggung-jawab ini ada-lah sa-orang yang rajin yang selalu kita dapati dia ini mengembara ka-selatan, ka-utara, ka-timor dan ka-barat bagi menjalankan kerja²-nya yang sangat kita perlukan, yang sangat kita kehendaki supaya mudahan² ra'ayat negeri ini tidak-lah terbiar dan tidak-lah kebuloran di-masa² yang akan datang. Jadi akhir-nya saya ada-lah memberi sokongan kepada

Kementerian ini bagi menjalankan usaha²-nya di-dalam tahun 1969 ini.

Tuan Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (Kelantan Hilir): Tuan Pengerusi, saya bangun berchakap dalam Kepala B. 10—Bahagian Sekolah Perikanan.

Tuan Pengerusi: Tolong kuat sedikit.

Tuan Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Sa-bagaimana yang di-ketahui bahawa negeri kita Malaysia ini khusus-nya Malaysia Barat ada-lah sa-akan² sa-buah pulau di-lingkongi oleh lautan seluruh-nya. Memandangkan perkara ini, maka sangat-lah elok di-dirikan sekolah ini sa-chara besar²an. Saya anjorkan Kementerian ini supaya mengutamakan pelajar²-nya itu daripada anak² nelayan itu sendiri. Sa-bagaimana kita semua tahu kaum² nelayan ada-lah hidup dalam keadaan susah dan miskin. Sa-kira-nya kita dapat beri satu bantuan atau pun satu pertolongan khusus untok mereka itu, tentu-lah mereka itu merasa berbahagia. Jadi hanya keutamaan atau pun keistimewaan yang kita beri kepada anak² mereka belajar di-sekolah² itu sa-sungguh-nya sangat²-lah besar erti-nya kepada mereka.

Tuan Pengerusi, saya fikir sa-kira-nya Sekolah Perikanan ini tidak akan menjalankan tugas-nya saperti yang sa-patut-nya, maka elok-lah kita ubahkan atau kita alehkan Kementerian ini, Bahagian Sekolah Perikanan ini kepada Kementerian Pelajaran sendiri kalau sa-kira-nya sekolah ini tidak menjalankan tugas-nya dengan betul sa-kira-nya di-letak di-bawah Kementerian Pertanian, sa-kira-nya boleh maka bagus-lah. Walau bagaimana pun memandang kepada Kementerian Pelajaran telah ada sekolah² yang berbentok vocational dan sa-bagai-nya, maka molek-lah, kalau boleh, kita alehkan sekolah ini di-bawah Kementerian Pelajaran kalau² sa-kira-nya Kementerian Pelajaran boleh menjalankan perkara ini dengan penoh kesungguhan. Tuan Pengerusi, oleh kerana negara ini di-bahagi kepada dua jenis pantai, Pantai Barat dan Pantai Timor, dan kebetulan Pantai Timor itu sahaja-lah satu kawasan

yang sangat terdedah dengan bahaya tengkujuh dan sa-bagai-nya, maka elok-lah saya anjorkan, kalau boleh, tempat sekolah ini di-letakkan di-sabelah Pantai Timor, kerana penduduk² di-sana, khusus-nya anak² nelayan sendiri, akan dapat segera memasoki sekolah ini dengan tidak begitu sangat terganggu.

Tuan Pengerusi, saya berchakap mengenai dengan perkara yang kedua dalam muka surat 106 mengenai dengan bantuan menanam sa-mula. Pernah saya dapati sungutan² daripada pemohon² bantuan menanam sa-mula ini di-atas kelambatan sampai-nya bantuan itu, dan yang paling ganjil-nya ia-lah kadangkali sampai dua tahun baharu-lah sampai, dan kalau di-datangi sendiri oleh orang yang terkemuka seperti wakil dan sa-bagai-nya kapada pehak pejabat, maka kadangkali di-sabelah pagi-nya pehak orang yang terkemuka ini sampai ka-pejabat dan di-sabelah petang di-kirim sekali. Jadi soal-nya ada-kah perkara ini—entah macham mana ta' tahu-lah—walau bagaimana pun dua tahun permohonan baharu sampai dan sa-telah di-kunjongi oleh pehak yang terkemuka ka-pejabat itu baharu sampai dan sampai selalu, maka sangat-lah mendukachitakan.

Yang kedua masalah bantuan yang di-beri kapada pemohon² yang di-beri kapada ranchangan menanam sa-mula ini, dahulu-nya ada di-beri sama kawat duri dan sekarang ini kawat duri itu telah tidak di-adakan. Entah-lah perkara ini pehak Kementerian boleh-kah memberi jaminan bahawa beneh² yang di-beri itu akan memberi kehasilan yang sa-chukup dengan tidak ada kawat duri. Saya fikir ranchangan sedia lebih baik, kerana kalau kita beri baja sahaja dengan tidak di-kawal dengan kawat duri sudah tentu lembu dan kerbau akan memusnahkan dengan begitu chepat. Yang meragukan saya lagi baharu² ini ada satu rayuan sampai kapada saya sendiri, ia-itu dekat dengan kawasan saya itu, dalam borang yang di-tulis oleh pehak pejabat itu ada tertulis kawat duri—di-beri beneh, baja dan kawat duri di-tulis sama dalam kertas, tetapi sa-telah di-siasat apa yang ada chuma beneh dan baja,

kawat duri tidak ada. Sa-telah saya tanya di-pejabat kata-nya itu tersalah tulis. Betul-kah perkara itu tersalah atau di-persalah²kan, entah-lah. Walau bagaimana pun itu-lah sahaja ucapan saya. Terima kaseh.

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail:

Tuan Pengerusi, saya mengalu²kan peruntukan wang Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama. Tuan Pengerusi, saya berchakap atas Kepala 10—Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama dan begitu juga saya akan menyentoh di-muka 81, Chawangan Peranchang Penyelidek, Bahagian Kaji-teknik Makanan, Pejabat Penyama Ranchangan Perayeran Muda dan Chawangan Perkembangan (Extension Branch), Sekolah Pertanian, Mengawal Sewa dan Menjamin Pemegang², Perikanan, Bank Pertanian, Bantuan kapada Petani² dan Act Penanam Padi.

Tuan Pengerusi, sa-bagaimana sama² telah di-ketahui bahawa Malaysia adalah sa-buah negara pertanian dan asas itu akan memakan masa yang panjang, maka oleh kerana itu saya suka-lah, Tuan Pengerusi, menyentoh berkenaan dengan perikanan. Banyak rakan² saya telah berchakap berkenaan dengan perikanan, dan Malaysia juga sa-buah negeri yang di-kelilingi oleh laut, oleh kerana itu telah nyata-lah bahawa usaha² bagi mencapai kejayaan di-dalam melaksanakan ranchangan perikanan ini ada-lah bergantung sa-jauh mana kebolehan nelayan² kita yang akan dapat memainkan peranan di-dalam penangkapan ikan di-laut² yang terbuka. Dan masalah yang sedang di-hadapi oleh nelayan kita pada hari ini ia-lah kerana kekurangan kebolehan untuk mengambil bahagian dalam laut² lepas dan begitu juga berkenaan dengan perkembangan lanun² di-dalam laut antara-bangsa. Ini salah satu daripada sebab² bahawa perkembangan perikanan dalam negara kita ini tidak dapat meningkat sa-bagaimana yang di-kehendaki. Maka oleh kerana itu saya merayu-lah kapada Menteri Pertanian yang merangkap Menteri Perikanan supaya dapat berikhtiar menchari jalan bagaimana nelayan² kita itu tidak terganggu oleh lanun sa-bagaimana yang selalu kita dengar kejadian di-Selat

Melaka dan begitu juga yang berhampiran dengan Thailand.

Dalam Negeri Perlis, Tuan Pengerusi, laut-nya sangat-lah kecil dan nelayan² di-sana ada-lah bergantung kepada tangkapan mereka itu dalam laut² antara-bangsa. Jadi mereka itu kadang² menganggap bahawa mereka berada dalam laut antara-bangsa, tetapi yang sa-benar-nya mereka berada dalam laut Thailand. Jadi ini-lah yang menjadi salah faham di-antara nelayan² dalam Negeri Perlis dengan Negeri Thailand. Ada-lah sangat di-harapkan bahawa Menteri yang berkenaan supaya dapat menyiasat perkara ini dan menchari jalan bagaimana supaya dapat Kerajaan Thailand dan Kerajaan kita Malaysia membenarkan nelayan² kita supaya jangan di-ganggu lagi.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya suka juga minta penjelasan daripada Menteri yang berkenaan ia-itu baharu² ini saya telah baca dalam akhbar bahawa Malaysia telah menandatangani satu perjanjian dengan Kerajaan Republik Jermani berkenaan dengan perikanan. Jadi, saya tidak tahu, Tuan Pengerusi, apa-kah perjanjian² itu, ada-kah perjanjian² itu bahawa Kerajaan Republik Jermani akan memberi apa² kemudahan kepada nelayan² kita. Jadi, saya berharap perkara yang tersebut akan di-terangkan dengan sapa-nya oleh Menteri yang berkenaan.

Dan begitu juga Sekolah Perikanan saya suka juga mengshorkan di-sini kalau sa-takat kita mengadakan sekolah sahaja, jadi bermasalah-lah bahawa yang nelayan² kita di-masa akan datang tidak-lah mempunyai kebolehan untuk mereka menangkap ikan di-laut² lepas. Jadi, oleh yang demikian bahawa Pulau Pinang akan di-tubuhkan sebuah Universiti Kolej. Saya fikir ada-lah lebih baik bahawa di-dalam kolej yang tersebut supaya di-adakan fakulti yang mana akan memberi pengajian² yang dalam dan yang luas berkenaan dengan masalah menangkap ikan di-luat² lepas.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Chawangan Peranchang dan Penyeli-dek. Banyak rakan² saya sudah bercha-

kap dalam masalah yang tersebut. Jadi, saya ingin-lah juga menyentuh dalam masalah tersebut bahawa pada hari ini umpama-nya di-dalam Negeri Perlis penduduk di-sana ada-lah samata² bergantung kepada padi, dan sa-takat hari ini saya tengok banyak-lah bahan itu terbuang dengan begitu sahaja. Umpama-nya, sekam ia-itu lepas kita mengeluarkan padi keluar-lah sekam, dan sekam ini kita lihat bertimbun² sa-hingga menjadi beberapa kesusahan kepada jiran² yang ada di-keliling kilang itu. Jadi, saya harap Chawangan Peranchang dan Penyeli-dek ini dapat membuat satu kajian, ada-kah tidak boleh-nya bahawa yang sekam² akan di-jadikan baja dengan memasokkan beberapa jenis champoran² yang baharu dalam sekam ini supaya sekam ini kelak akan menjadi faedah dan berguna kepada penanam² padi. Umpama-nya di-jadikan baja dan dengan ini akan menjadi bertambah faedah-nya kepada petani² dan begitu juga berkenaan dengan batang padi dan sa-bagai-nya kita telah mendengar bahawa negara kita akan mengadakan kilang kertas dan sa-bagai-nya, tetapi sa-hingga hari ini belum lagi zahir masalah yang tersebut, jadi ada-lah di-harapkan bagi Kementerian ini supaya memestikan apa yang harus dibuat kepada batang² atau jerami² padi itu yang pada tiap² tahun di-bakar dengan begitu sahaja.

Dan berkenaan dengan Chawangan Perkembangan—Extension Branch, ini ada-lah satu chawangan yang agak-nya akan memberi faedah yang besar kepada petani² kita, maka saya berharap-lah bahawa chawangan ini akan dapat mengembangkan lagi, akan dapat ditubuhkan di-merata² negeri supaya dapat memberi bantuan yang berfaedah kepada petani² kita yang pada hari ini sa-mata² bergantung kepada Pegawai Pertanian.

Umpama-nya, Tuan Pengerusi, di-dalam Negeri Perlis yang ada mempunyai sa-banyak lebih kurang 78,000 ekar tanah sawah dan hanya ada sa-orang sahaja Pegawai Pertanian dan beberapa orang daripada pembantu²-nya ada-lah tidak mencukupi. Kadang² ada orang datang bertanya berkenaan dengan masalah² penyakit

padi, masalah² ulat dan sa-bagai-nya. Tetapi pejabat ini tidak-lah dapat memberi nasihat² yang sa-mesti-nya, Tuan Pengerusi, di-negeri² yang maju, negeri pertanian sa-ampama di-Taiwan, di-Jepun, pegawai² pertanian ini bekerja siang malam dan saya pernah melihat di-Taiwan saya telah pergi pada satu tempat ada satu kawasan padi. Saya sampai di-situ, Tuan Pengerusi, pada pukul 6 petang. Jadi padi itu dia taroh dalam kelambu. Jadi saya hairan, Tuan Pengerusi, apa pula penyakit yang sa-macam ini kerap kali-nya kalau orang menchegeh penyakit nyamok perlu pakai kelambu. Tetapi ini pokok padi, pula dia pasang kelambu. Jadi saya bertanya apa-kah dia sedang membuat satu penyelidikan bagaimana satu penyakit barangkali dengan adanya kelambu ini barangkali harus-nya ada-kah penyakit itu di-bawa oleh binatang. Jadi itu pun menasabah jugalah. Jadi ini satu usaha yang saya hendak sebutkan di-sini ia-lah satu usaha daripada J batan Pertanian ia-itu untuk mengatasi beberapa masalah yang sedang di-hadapi oleh petani² kita pada hari ini. Jadi saya sangat-lah berharap daripada Yang Berhormat Menteri yang beliau mengambil satu daya usaha yang cukup giat di-dalam masalah ini dan saya percaya dia akan bertambah giat lagi dan saya berdo'a umur-nya panjang supaya dapat mengambil bahagian yang cherag lagi dalam masalah ini.

Chuma satu perkara lagi. Tuan Pengerusi, bila rakan saya dari Melaka Selatan juga telah berchakap meminta menghapuskan Bank Pertanian—dan saya tidak tahu-lah bagaimana fikiran yang ada di-dalam otak dia—tetapi saya rasa pada hari ini Bank Pertanian ini sangat mustahak. Saya tahu di-dalam Negeri Perlis petani² ini yang ada mempunyai wang yang mereka ini kadang² bila saya bertanya di-mana dia menyimpan wang mereka itu. Mereka itu berkata dia simpan di-dalam Malayan Bank no pun ada dan ada yang menyimpan di-dalam Chartered Bank dan lain² lagi. Jadi saya percaya-lah dengan tertuboh-nya bank ini akan memberi satu faedah yang besar kepada petani² apa lagi manakala mereka itu dapat menanam dua kali sa-tahun.

Jadi berma'ana-lah bahawa mereka akan dapat hasil dengan lebih banyak lagi. Jadi Bank ini akan menjadi faedah yang lebih besar dan saya sa-bagai mewakili daripada kawasan penanam padi memberi sokongan yang penuh di-atas usaha ini dan bagitu juga saya memberi ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri di-atas usaha-nya untuk mengembangkan Chawangan Bank Pertanian ini.

Hanya satu perkara saya hendak meminta mendapat penjelasan daripada Menteri yang berkenaan. Pada satu masa yang telah lalu saya telah terbacha di-dalam akhbar bahawa ada-lah satu kumpulan wang—betul atau tidak-nya—daripada Bank Dunia yang akan memberi credit atau pinjaman kepada petani². Jadi apa telah terjadi sungguh atau benar-nya bahawasa-nya bantuan itu ada-kah akan di-keluarkan atau tidak-nya tetapi kalau bantuan itu sa-benar-nya akan di-beri pinjaman kepada petani² dalam mengusahakan menanam padi dua musim maka amat-lah besar faedah-nya, kerana biasa-nya petani² ini kalau menanam padi dua musim ini, mereka berkehendakkan wang untuk membeli baja, untuk menyewa trekter dan lain² masalah lagi dan ini menjadi satu pertolongan yang besar kepada petani².

Kemudian petang semalam saya mendengar Menteri Yang Berhormat akan membentangkan satu Act menanam padi bagi Negeri Perlis, Kedah dan lain² tempat lagi. Jadi saya juga tidak tahu apa-kah maksud dan tujuan Act itu dan di-harap akan mendapat penjelasan bahawa Act yang di-sebutkan itu akan menjadi satu faedah yang besar untuk petani² kita bagi menjalankan usaha-nya di-dalam kedudokan penanam² padi.

Dan ada satu perkara yang saya fikir patut juga menjadi satu, ingatan kepada Yang Berhormat Menteri, bahawa pada hari ini kita ada dapati bahawa negara kita Malaysia ada kekurangan beras, maka dengan sebab itu-lah satu daripada mutalalamat kita yang di-buat sekarang ini untuk menyeroni petani² kita di-Malaysia ini supaya banyak bekerja supaya dapat

kita mendapatkan hasil beras yang cukup dan boleh jadi pada satu masa lagi yang beras di-negeri kita akan di-export keluar negeri. Tetapi satu yang saya rasa yang harus menjadi peringatan kepada kita bahawa pada hari ini banyak negara² khas-nya di-Tenggara Asia ini telah berusaha berlumba² untuk mengeluarkan beras. umpama-nya di-Thailand banyak mereka itu beras yang berlebihan² (surplus) dan begitu juga di-Burma dan Jepun, Taiwan dan lain² negara lagi. Jadi apa akan terjadi—ini satu chongak saya, Tuan Pengerusi, apa yang akan terjadi yang pada masa yang akan datang manakala kita telah dapat menanam, mengeluarkan padi banyak mengeluarkan beras dan beras kita harus akan di-export keluar negeri dan boleh jadi satu perlawanan yang hebat di-antara negeri² yang mengeluarkan beras dan masa itu beras kita dan harga beras yang ada hari ini harus akan jatuh. Jadi ini semua-nya ada-lah sa-bagai satu contoh sahaja dan saya berharap mudah² akan menjadi satu bahan juga kepada Yang Berhormat Menteri dalam masalah ini supaya di-masa yang akan datang jangan petani² kita pula, menyalahkan kepada Kerajaan.

Ahkir sekali, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan nelayan. Pada hari ini banyak kita dengar bahawa Kementerian Perikanan mithal-nya Yang Berhormat Menteri menyeru supaya kita banyak mengadakan pukat tunda atau pukat harimau dan masalah pukat harimau ini satu masalah yang banyak-lah di-perbincangkan mahu pun di-dalam Dewan atau pun di-luar Dewan, tetapi satu masalah sahaja yang saya hendak kemukakan di-sini bahawa kebanyakan nelayan² kita ia-lah terdiri daripada bumiputra dan kebanyakan daripada bumiputra kita yang menjadi nelayan banyak yang menubuhkan Sharikat Nelayan Kerjasama untuk menjalankan perusahaan² pukat tunda ini dan di-dalam rancangan pukat tunda ini biasa-nya bagi pihak Kementerian hanya dengan mengeluarkan lesen kepada persatuan atau Kesatuan Sharikat Kerjasama umpama-nya satu Sharikat Kerjasama mendapat 10 lesen, atau 20 lesen. Jadi dengan lesen ini, maka sharikat ini

tidak akan dapat menjalankan usaha²-nya kerana tidak mempunyai modal untuk membeli bot² yang saya taksirkan harga satu bot tidak kurang daripada 20 atau 30 ribu ringgit. Jadi kalau 10 lesen, bermakna 10 bot mahu wang 200 atau 300 ribu ringgit, baharu dapat menjalankan kerja² itu dengan sempurna-nya, tetapi dengan kemudahan daripada Yang Berhormat Menteri membuka satu jalan ia-ini sharikat ini boleh-lah berkongsi dengan siapa² sahaja yang ada mempunyai bot. Jadi biasa-nya bot² itu kita jalankan sahara berkongsi. Ada yang 50-49, tetapi yang biasa-nya 50-50, tetapi yang mendukachitakan-nya bot² ini kebanyakan-nya ada-lah bot yang sudah lapok, lama, maka tak dapat-lah tangkapan atau hasil² tangkapan itu dengan baik-nya, kadang² bot itu rosak, terpaksa dua tiga hari diperbaiki, kemudian keluar balek dan rosak pula. Jadi dengan cara yang demikian banyak ahli² yang bekerja dengan bot ini, terutama sekali daripada ahli² sharikat ini sa-tengah-nya mereka berasa bosan dan sa-tengah bot-nya rosak, tidak dapat keluar—orang lain keluar banyak ikan, dia keluar, balek sahaja pun ada. Jadi ini-lah saya meminta satu jasa baik daripada Yang Berhormat Menteri supaya mencari satu peruntukan supaya dapat Yang Berhormat Menteri ini memberi pinjaman modal itu kepada tiap² buah Sharikat Nelayan Kerjasama ini. Jadi dengan jalan yang demikian, kalau ada modal tadi, maka dapat-lah sharikat² ini mempunyai bot-nya sendiri ia-itu bot yang moden, bot yang kuat. Dengan ini mereka itu dapat-lah keluar pergi ka-laut² yang lepas menangkap ikan, dapat hasil yang baik. Jadi dengan cara yang demikian akan dapat memajukan lagi perusahaan² perikanan ini bagi masa yang akan datang. Jadi, saya merayu-lah kepada Yang Berhormat Menteri supaya memberi pertimbangan, ikhtiar-lah walau bagaimana pun untuk menc ari satu kumpulan wang bagi memberi pinjaman kepada tiap² Sharikat Nelayan Kerjasama yang ada di-dalam pentai kita di-Malaysia ini. Sekian-lah Terima kasih.

Tuan Goh Chong Kent: (Bangsan).

Tuan Pengerusi: Saya suka mendapat tahu daripada Ahli Yang Berhormat, berapa panjang-kah tuan hendak berchakap dalam perkara ini?

Tuan Geh Chong Keat: Dua puluh minit.

Tuan Pengerusi: Kalau dapat, saya suka di-pendekkan, supaya Menteri yang berkenaan boleh menjawab-nya.

Tuan Geh Chong Keat: Saya akan chuba memendekkan sedikit.

Tuan Pengerusi: Ya, Saya harap dihabiskan pada petang ini.

Tuan Geh Chong Keat (Penang Utara): (*dengan izin*) Mr Chairman, Sir, speaking under Head B. 10 Sub-head 1, item (1), Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama, and the relevant sub-heads under this Ministry, I would like to compliment the Honourable Minister for the success in the diversification of the agricultural sector and the prosperity he has brought to this country in the upliftment of the standard of living in the rural areas. But, in complimenting him I must also point out that I disagree with him in certain projects of his, especially in the field of fisheries.

Mr Chairman, Sir, firstly I would like to appeal to the Honourable Minister to look into the problems that are being faced by the farmers in the area bounded by Sungei Pinang, Sungei Rusa and Permatang Pasir.

Sir, in various areas we hear of the wonderful padi that has been introduced in the country and the double cropping programming, but in this area the irrigation is poor, the soil is poor and sandy. Therefore, I would like to appeal to the Minister to find ways and means to help the farmers, first of all, to give them more water to improve the irrigation in that area, and, in areas where the soil is poor, introduce some catch-crops and send them more tractors and other machinery. In the Permatang Pasir area in particular, where the soil is sandy and very, very poor for padi planting, may I suggest diver-

sifying the area for animal husbandry and the rearing of poultry. If more attention could be given for that area, I am sure the hardship of the farmers and rural residents within those areas could be eased.

Sir, touching on the comments made by the Honourable Minister that the Marine Police are not prepared to enforce the Fisheries Act and also that additional staff is required for the Enforcement Section to cope with the increased duties, especially the need to enforce the provisions of the Fisheries Act efficiently, I would like to point out to the Honourable Minister, under the Fisheries Section, that those are the problems we had repeatedly mentioned in this House in connection with the introduction of trawler fishing on which the fishermen agreed but said that there must be limitations. Under those conditions then, the Fisheries Act was approved and the trawling licences were issued. When the licences were issued at that time the Minister specifically said that they were for deep sea areas—so we launched the pilot schemes. But now we have many problems: the fishermen today are saying *that their inshore fishing grounds have been invaded by trawlers* since the Minister of Agriculture had approved the issue of licences to trawlers. The Police in the State of Penang had submitted a report; they too are not very happy with the supervision by the Fishery Department and they even pointed out to the Minister, and I am sure the Minister by now knows the position, there are about a hundred summonses that have not been served for violations of those conditions, for encroaching and trawling within the inshore or the coastal area, outside the demarcated area under which they were approved to trawl. This has brought a lot of hardships to the inshore fishermen—loss of materials, loss of equipments, loss of lives and loss of livelihood.

Sir, the Minister has himself said that he is asking for more money for better policing and better efficiency in the supervision and I hope it will be carried out. For the time being, I only wish to request for a stay in the issue of

further licences for the 30-ton trawler boats. We know that under existing conditions, these boats are not in a condition to go beyond the 12-mile limit as they are not stabilised enough to trawl in that area under the conditions they are trawling. Therefore, they have got to come in into the inshore waters and the inshore fishermen's fishing grounds and the coastal areas. All these complaints have been proved to be correct.

Therefore, they have got to come in to the inshore waters and inshore fishermen's fishing grounds and the coastal areas—and this has been proved to be correct. It is because of this encroaching that much hardships have been created. We do agree with the Minister that we must improve, but please this improvement should not be at the expense of the inshore fishermen, as after all they are citizens of this country and their livelihood must be safeguarded and protected. Therefore, in this country, when we say "Improvement of the livelihood of everybody", let us also look at it from many angles. If the inshore fishermen, because of circumstances, would not accept trawling, it is because they are aware of the problems that are facing them and they would say, "Well, if you want us to trawl, we go, but we would not be able to be very successful". Then if the Minister would say that those who trawl are very successful", then I would point out that, where they are successful it is because they trawl in the inshore waters which they are not supposed to trawl. That is where they got all the fish. Under the specifications which the Minister said they would be submitting categories of the type of fishes caught, if they were to categorise them, it would be found that all the types of fishes caught are from the fishing grounds in the inshore waters.

Therefore, in this respect I would like to appeal to the Minister: Please do not feel that the inshore fishermen are retarding the progress of the country. They do agree that those better equipped with modern equipment should be allowed to go and explore the deep seas. Pilot schemes have been

provided and, therefore, they feel that it would not be difficult for them to go, but the only thing is for the Minister to provide the trawlers with larger diesel boats. If you cannot give them 80 tonners, give them 50 tonners; but not go to the sub-standard of 30 tonners. While making the law, the Hon'ble Minister is encouraging to trawl with 30 tonners which we all know is very difficult in 12-mile waters and, it encroaches upon the inshore fishermen's livelihood. So, in this respect, I would like to appeal to the Minister to explore other fishing grounds, say, in the Indian Ocean and the South China Seas in respect of big liners. For example, we have completed an agreement with the Indonesian Government for trawling in waters between Indonesia and Malaysia. Now, what about having a similar agreement with India, Burma, Singapore and Thailand. By doing so, we would have opened up more, better and bigger fields for these trawlers to trawl.

Sir, I must also appeal to the Minister, under this trawling, to look into the problems of the inshore fishermen. As the Honourable Minister is starting up F.A.M.A. to encourage fishermen to group together to have more, better marketing facilities, may I in this respect appeal to the Minister on a point which is seldom agreed—to allow inshore fishermen at the various villages to form Fishermen's Associations where they can group together and plan to improve their standard of living and the methods of catching fish and marketing their catches.

In this respect, I would like to point out to the Minister the flaw in this trawlers co-operative system. We have heard my colleague from Perlis appeal to the Minister for more funds to buy boats. Where will it end? Now, if you say, "Buy bigger boats, go into deep seas", we say: "Yes, carry on but do not buy 30-ton boats and keep on violating the law which we have solemnly passed in this House to protect the inshore fishermen". You are encouraging them to violate and smash the livelihood of the inshore fishermen.

Sir, as regards Co-operatives, I am sure the Co-operatives could be very successful if efficiently supervised. I do not know very well how this is being implemented, but I do know that fishermen working in the Co-operatives are not properly paid as they should have been paid, or should have derived from the fruits of their labour. For example, in the Co-operatives, there must be steps to control all the profits derived from the sale of diesel oil, transportation, sale of fish, sale of ice, the profits must be channelled back to the Co-operatives. For example, Sir, as for diesel oil, the Co-operatives may use somewhere around 50,000 gallons of diesel oil and each gallon of diesel oil may give a profit of 7 cents. As it is, we know that some Co-operatives get only 3 cents for general charges and 3 cents go to the sharikat, whereas the extra 7 cents after deducting all these charges, was not paid to the co-operatives, the amount of profit may be about \$400-\$500 a month from the sale of diesel oil alone.

Now, what about the transportation of fish by baskets? Under the tender or agreed price, the ascertained price per basket of fish may be about 45 cents, but then they may be charged about 85 cents or more, what happens to the surplus of 40-50 cents per basket, which may come up to another \$300-\$400 per month? What about ice which may cost around \$2.60 per block? Delivery expenses and handling charges may be about \$1.13, and the sharikat may get a profit of 50 cents per block, but then the fishermen of the trawling boats have been paying as much as \$5. At a selling price of \$5.30 with the cost of \$4.40, therefore, the profit is about 90 cents per block and the numbers of blocks of ice used by the sharikat per day may be somewhere around 300-500 blocks—and there is also profit.

Then, we have the other charges and the method of selling fish: may be the Co-operative chief may go to sell fish with the treasurer or the captain of the boat: what about the people involved? Could they really know at what price the catches were sold? With all these profits that instead of going to indi-

viduals were being channelled back to the Co-operatives, I am sure the Co-operatives may make a tremendous amount of profit of somewhere around \$10,000 per month for one Co-operative. If this profit was channelled back, direct benefits to the fishermen will result in improved livelihood, instead of earning about \$100 per month, or \$80 per month or even \$70 per month, they may earn somewhere around \$150, \$160 or even \$200. The trawler boats are being encouraged to go out to the deep seas—according to the law, the demarcated areas are of 12 or 15 fathoms depth; but they could not get enough catch, so they go to the inshore area and chance it, so that they may be paid a bonus of \$60 extra.

Sir, I would like to request the Minister to study into the whole structure of Co-operatives to find out whether the dealings could give direct benefits to the fishermen, who are involved in trawling, or whether they go to the individuals, who are responsible for organising the Co-operatives. At the rate it is going on, people are very keen to organise a Co-operative, and you can imagine the profit; and if the profit goes to individuals who organise Co-operatives rather than the participants, the Minister will say: "Well, my Co-operative is very successful". But I say with a difference: "It is very successful, but the profit goes to the officials and not the participants". Therefore, in this respect, I would request the Honourable Minister to study the matter; I am not making allegations, but I think it is quite possible that this thing may happen; and as to the catches and the tonnages which the Minister had told us would be increased, please study where do these catches come from—from the deep seas in the demarcated areas, or infringing and trawling in coastal waters and robbing the livelihood of the inshore fishermen? I am sure, Sir, with regard to the catches and the amount of tonnages that were reported, a vast percentage of them has been trawled in the inshore waters, and this has resulted in a drop of the catches of the inshore fishermen and has also resulted

in the poor replenishment of the stock of fishes in the coastal areas. Sir, the Minister may not agree with me but I would request the Minister to set up a research unit. Let us study the flow, the life cycle of the fish—the breeding and hatching start in the riverine areas, coming up into the coastal areas and going up and if they are being blocked halfway and trawled then a stop will be inevitable. I request that a research be made into the conservation of the fishes.

Further, Sir, I am sure that the trawling in Thailand has affected us very severely. Formerly, in this House, under the former Minister, Yang Berhormat Tuan Mohammed Khir Johari, we informed him that with trawling at such a rate in Thailand that it would in three years' time make the Thais go beyond their waters, because they had destroyed their own breeding grounds and would not have enough fish to catch, and we were not proved wrong—we were correct. They could not trawl in the 3-mile limit and they had to extend to the 12-mile limit and now they have come to our Malaysian waters up to the Perlis and Kota Bharu areas. Therefore, if you study the cycle of the life of the fish and the current you will find that fish from Thailand must flow down and out into the open seas. So, by trawling, they have also cut off our supplies and because of that we also have got to check up and patrol our fishing rights area of up to 12-mile limit. We also know that boats from Singapore have been trawling within our territorial waters, but it is very difficult to differentiate between the territorial waters—the 3-mile of the 12-mile demarcation. We have received reports of boats from Singapore trawling also in the Straits of Malacca and very near to our Malaysian shores—the Police were very concerned. We appreciate, and I put it on record in this House, the assistance rendered by the O.C.P.D., Balik Pulau and the officer-in-charge of the Marine Police in the State of Penang. They have done very good work; they did try very hard to convince the inshore fishermen that within the law the inshore fishermen must be protected, and the Police is

there to enforce the law and give them all assistance they can. Constantly, Sir, they have been advised to report when they see trawling within the three mile limit. There are reports on illegal trawling and by now I think there should be several hundreds—complaints lodged at the various Police stations in Kedah, Perak and Penang. In Penang alone, I think, we will be able to get somewhere around eight hundred reports. We have trawlers trawling as near as around six fathoms depth. Today they are not trawling for fish but shrimps. Shrimps fetch a better price than fish for export purposes. Therefore, within the law, we define the size of the nets and all that, but the trawlers are very smart and go out with different nets, the boats go out empty but collect the nets from the parent boat and then trawling for shrimps. In other words, they are practising shrimp trawl, which they are not supposed to do and that is not specified within the conditions issued to them. So, that is the reason I wish to point out to the Hon'ble Minister and request him to study the issue. Sir, I would like with your permission to read out a little paragraph as to how it affects the villagers and the fishermen in the different areas. Now, I am quoting one area—Telok Bahang area alone. I have got a petition here, which has been sent to Yang Berhormat Tun Abdul Razak bin Hussin, Timbalan Perdana Menteri, Malaysia. It reads:

"Bersama² ini saya sertakan surat rayuan Nelayan² Kecil yang telah membuat bantahan terhadap Nelayan² Pukat Tunda telah melanggar peraturan yang di-tetapkan oleh pihak yang berkenaan, sa-hingga menyebabkan nasib² Nelayan Kecil menderita. Kebanyakan orang² Melayu tidak dapat menyambut Hari Raya Puasa dan tidak membayar wang Fitrah untuk tanggungan mereka pada tahun ini."

This is just a short paragraph of the appeal of the fishermen in Telok Bahang, where the Co-operative has been said to be very successful and had requested for more 30 tonners, for area reports from Pantai Acheh, Sungei Pinang, Kuala Sungei Pinang, Pulau Betong, Kuala Jalan Bharu, Batu Ferringhi, etc. reported trawling

boats coming nearer to five fathoms almost every day in groups and the fishery supervision boats have been reported to have been seen with them. Therefore, as they have requested, I appeal to the Honourable Minister for more efficient supervision of trawling, not to allow these cases to go off lightly; please take them to court, solicit or enlist the aid of the Police. They are willing to help the Ministry. It is not true to say that they are not prepared to co-operate or help. I understand that they have even reported to the Honourable Minister the seriousness of these trawlers encroachments into the waters of the inshore fishermen within the vicinity of the Island of Penang—and even Perak.

Sir, under the F.A.M.A. I just have this little appeal to make. The Honourable Minister without Portfolio this morning told the House very convincingly of the modes and methods that he had prepared under F.A.M.A. to help inshore fishermen—the sixty-five thousand inshore fishermen. However, as I said, the principle or the policy appears to be good, but the wholesalers, fishmongers, the fishermen and those concerned in this form of trade, they have presented their fears to the Minister in respect of the bureaucratic way of the implementation. Therefore, I request the Honourable Minister to look into their views and the fears they have presented. It is feared that their livelihood may be shut out. It is feared that when it comes to registration or applying for the various types of licences they may be discriminated. Therefore, all these procedures, functions and benefits must be explained to those concerned and the consumers. It is an accepted principle that it is wrong to monopolise, and it is wrong to collect 5% for services, when an organisation does not earn or merit it. To earn the commission to set up this body, this body must convince the people on the facilities and services that they are going to offer. If the Honourable Minister says that we are going to follow the Hong Kong or Taiwan system, Sir, I would like to say that in Taiwan and in Hong Kong they have been successful, because the administration and the

methods of marketing are being done by the people participating in the trade, and they have the Government to guide them. But in our case, Government is going to participate and going to restrict or control. So, I would suggest to allow all concerned in the fishing trade to participate actively: let the fishermen form their association; let them have a say in the F.A.M.A. marketing system, so that they can put forth their problems; and all the fishermen, the trawler people, the labourers engaged in transporting or handling of the baskets of fishes, the transporters, the refrigeration or storage people, and boat-owners be direct members of these association and thus they can join F.A.M.A. to participate actively with their experience. Further, I would request for credit service; the Government to set up the initial funds to launch this body and allow them to have a credit service within this body. For example, there should be a credit section and a business section, where the profits are channelled back to the people, where they can take loans in days of adversity, or bad days, or stormy days when they have bad catches, with a system of repaying. Also a system of allowing them credit for buying fuel and equipments for boats and they can repay in instalments at the minimum interest, which could be earned by F.A.M.A., but channelled back to their direct benefits. The marketing and service section should include refrigeration and storage, transportation and communication. Communication service is very important; they must be encouraged to own small sets of 15 watts to cover about 10 miles or more, which will give them weather reports or direct them to go to the various collecting centres. Then, the welfare units, or welfare activities to look after them and their children.

We should provide them with better education, scholarships and a fishermen's insurance scheme for relief for casualties of the fishing boats and fishermen.

Of course, Mr Chairman, Sir, as I said, we do agree on the technical improvements. These technical improvements include: (i) modernisation of

fishing equipment which encourage fishermen to use modern fishing equipment, such as diesel engines, electrothermometers, fish finders and refrigeration equipment; (ii) rationalisation of fisheries management, establishment of overseas supply bases, promotion of concerted operation of fishing boats and international fisheries co-operation and undertaking consultant services for the fishermen; and (iii) other fisheries statistics and research, holding talks by fisheries specialists and holding fishing controls. All these must be made available to the fishermen in order to encourage them to improve their standard of living. But then, as I said, Sir, we must protect the rights of the inshore fishermen, and their livelihood must be looked into. It is no use to say that Government is trying to improve their standard of living, when we know that everyday the inshore fishermen in the various villages are suffering. The collection from their catches drops from \$10 a day to even \$2, which is not enough even to pay for the diesel oil for their boats to go out. Therefore, in this aspect, Sir, I wish to request the Honourable Minister to plan for the next generation of fishermen, in the fisheries complex and the fishery school that he intends to put up.

Sir, give room to all Malaysian citizens. We do support the *bumiputras*, which term, I am glad to say, my Honourable friend in this House had defined for me—*bumiputras* include non-Muslims and Muslims. Therefore, I do agree with him in this interpretation, as he explained to this House the definition of *bumiputras* includes Muslims and non-Muslims, it also covers our friends from Sarawak and Sabah who are not Malays as the Constitution provides for. Let us, all citizens in this country—the Muruts, the Dayaks and everybody, the Malays and the Chinese who are citizens of this country, the Indians and all that—forget about our origin. Once they have taken root in this country they are all *bumiputras*. So in this Fisheries School allow us to have a better group of fishermen, allow us to have groups of specialists, who are all Malaysians, who shall be the future

navigators and captains of our fishing fleets and our merchant shipping lines.

Sir, I request the Honourable Minister to have broad outline for all Malaysians in this country in the Fisheries School that he is planning to have set up in the Island of Penang. Thank you, Sir.

Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Pengerusi, saya mengambil peluang di-sini mengucapkan terima kasih kepada Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini yang telah membuat tegoran, atau pun memberi nasihat dan terutama sekali yang memberi sokongan kepada peruntukan yang di-minta daripada Dewan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Batu dalam menyokong permintaan daripada Kementerian ini, telah menegaskan supaya pehak Kerajaan menubuhkan satu Badan Kajian untuk semua jenis tanaman yang ada di-dalam negeri ini. Beliau juga telah meminta atau mengshorkan supaya Badan ini di-beri taraf autonomous dan dapat menjalankan kajian² berkenaan dengan jenis tanaman di-dalam negeri ini. Di-sini saya suka menyatakan ia-itu pehak Kerajaan telah pun bersetuju bagi menubuhkan satu Institute Kajian dan Kemajuan Pertanian ia-itu dalam bahasa Inggeris—nya Malaysian Agricultural Research and Development Institute atau pun M.A.R.D.I. Bill berkenaan dengan M.A.R.D.I ini akan di-bentangkan di-dalam Dewan ini dalam persidangan ini juga.

Ahli Yang Berhormat dari Batu juga telah mengshorkan supaya pehak Kementerian ini menjalankan urusan bagi penanaman buah²an dengan lebih luas lagi dan juga bunga². Perkara ini adalah di-dalam urusan Kementerian ini, ia-itu di-bawah ranchangan untuk mempelbagaikan segala jenis tanaman di-dalam negeri ini. Kita akan menentukan kawasan² yang dapat di-tanam dengan buah²an dan juga jenis² tanaman lain di-dalam negeri ini. Satu kajian yang teliti sedang di-jalankan dan manakala kajian² ini selesai di-buat, maka kita akan dapat-lah mengshorkan atau pun memimpin ra'ayat² atau

petani² yang ada dalam negeri ini apa jenis tanaman buah²an, atau sayuran² yang dapat di-dalam satu² kawasan yang di-tetapkan di-dalam negeri ini.

Berhubung dengan bunga begitu juga pihak Kementerian ada-lah menggalakkan supaya penanam² bunga menanam bunga dengan lebih banyak dan membuat kajian berkenaan dengan penanaman bunga itu.

Ahli Yang Berhormat itu telah menyentoh berkenaan dengan Jabatan Penempatan Mata² Khas dan menegor ia-itu perbelanjaan bagi menyelenggara Jabatan ini berjumlah lebih kurang \$200,000 chuma untuk menjalankan urusan mengutip wang sa-banyak \$700,000 dan beberapa orang Ahli² Yang Berhormat yang lain telah pun mengshorkan supaya Jabatan ini ditutup dan urusan²-nya akan di-letakkan di-bawah Jabatan² yang lain. Saya telah pun memberi jawapan dalam masa soalan mulut berkenaan dengan masaalah ini dan perkara ini akan diberi perhatian yang lebih mendalam oleh Kementerian ini.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menyentoh berkenaan dengan masaalah perikanan ia-itu pukat tunda dan nelayan² tepi pantai. Begitu juga masaalah ini telah pun di-kemukakan dengan panjang lebar-nya oleh Ahli Yang Berhormat dari Pulau Pinang Utara. Dalam masaalah ini, saya suka menegaskan ia-itu pihak Kementerian ini telah pun menjalankan satu dasar, ia-itu kita chuma membenarkan nelayan² pukat tunda menjalankan urusan²-nya di-luar daripada kawasan 12 batu, atau pun di-lautan yang tidak kurang daripada 15 depa. Dan kawasan itu hendak-lah yang mana yang lebih jauh ka-luar ka-laut. Ini ada-lah dasar yang

telah di-tetapkan oleh Kementerian ini dan pihak Kementerian ini ada-lah berusaha dengan sedaya upaya-nya supaya syarat² ini di-turuti dan di-ikuti oleh nelayan² pukat tunda. Sunggoh pun ada beberapa tangkapan berlaku dan perkara² itu telah pun di-bawa ka-mahkamah dan sa-bagai-nya, tetapi maseh juga terdapat nelayan² pukat tunda ini menangkap ikan di-dalam kawasan² larangan dan sa-bagai-nya. Jadi, berkenaan dengan soal ini sunggoh pun ada perkara ini berlaku, ini tidak-lah mendapat sokongan, atau pun galakan daripada Kementerian bahkan Kementerian ini ada-lah sentiasa menchari jalan dan ikhtiar supaya perkara² yang sa-umpama ini tidak berlaku. Maka dengan sebab itu-lah pihak Kementerian ini telah pun meminta, atau memohon kepada Dewan ini supaya menambahkan peruntukan bagi melebihi pegawai² dan juga mengadakan bot² yang lebih banyak supaya bahagian enforcement, atau pun kawalan bagi perusahaan perikanan ini dapat di-jalankan dengan lebih baik-nya

Tuan Pengerusi: Masa sudah sampai—pukul 6.30.

Majlis Meshuarat bersidang sa-mula.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli² Yang Berhormat, saya suka ma'alumkan ia-itu Jawatan-kuasa Rang Undang² Perbekalan tahun 1969, telah sampai kepada Kepala B.10, Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama dalam Jadual Rang Undang² ini.

Meshuarat di-tanggohkan hingga pukul 10.00 pagi esok.

Dewan di-tanggohkan pada pukul 6.30 petang.